



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 47

RABU 24HB NOBEMBER, 1982.

رابعو 7 صفر 1403

PERCHUMA

Utk berjaya dalam pengurusan:

PENGUSAHA2 "ORANG2 MUDA" DI-KEHENDAKI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Untuk mencapai kejayaan dalam pengurusan kita memerlukan pertubuhan peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri dari orang2 muda. Mereka ini ada-lah di-sifatkan sa-bagai daya penggerak dalam memajukan lagi daya penyer-taan orang2 Brunei dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

"Dalam pada itu golongan peniaga2 dan pengusaha2 muda itu memerlukan pimpinan dari mereka yang sudah established, maju dan mundur-nya golongan baru itu banyak bergantung kepada kejuroran dan keikhlasan pimpinan dari mereka yang sudah established itu."

Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz Pemangku Menteri Besar Brunei menekankan perkara itu dalam ucapan-nya sa-jurus sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Dewan Perniagaan Melayu Brunei di-Dewan Peringatan Churchill di-sini pada hari Ahad, 21hb. November lalu.

Yang Amat Berhormat berkata, Kerajaan sendiri tidak sunyi dari mengambill langkah2 yang berpautan dalam usaha meningkatkan lagi penyertaan peniaga2 dan pengusaha2 orang Brunei dalam memberikan perkhidmatan dan mendapatkan kerja2 yang boleh di-fikirkan mendatangkan pendapat-an yang lumayan.

Sa-jauh yang melibatkan sektor kerajaan, ujar Yang Amat Berhormat

ternampak pemborong2 Melayu telah berjaya melipatgandakan penyertaan mereka dalam kerja2 awam dan kerajaan sendiri pula banyak membuka peluang untuk mereka sa-chara yang di-fikirkan sesuai dan berpatutan.

Dalam pada itu ada-lah satu kenyataan bahawa aktiviti2 perniagaan dan perusahaan sekarang kebanyakannya sudah pun menjadi sophistakated, untuk itu kata Yang Amat Berhormat lagi orang yang benar2 berjaya di-dalamnya sa-orang itu mesti-lah benar2 dedikasi dan committed untuk membuatnya.

"Perusahaan dan perniagaan di-zaman moden ini tidak dapat lagi disebut sa-chara sambilan atau di-sambat2 saja. Zaman 'pengulu' sudah pun berlalu, barang2 perindustrian menjadi bahan perniagaan menggantikan belachan dan ikan masin, barang2 pertukaran seperti beras dan sayur2an di-ganti dengan wang ringgit yang berjuta2 nilainya," kata Yang Amat Berhormat.

Maka untuk menjadi lebih di-galati dalam perniagaan peniaga2 Melayu di-negeri ini, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyarankan mulai sekarang salain dari menumpukan usaha2 persendirian, usaha sa-chara berkumpulan atau berkongsi seperti

melalui sharikat kerjasama patut-lah di-titik beratkan.

Kerana dalam usaha berkumpulan kewangan yang sedikit boleh di-perbanyakan, tenaga dan

Lihat muka 20

Ketua Turus Agong Tentera British mengadap DYMM

BANDAR SERI BEGAWAN.—Ketua Turus Agong Tentera British, Jeneral Sir John Stanier telah mengadap hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di-Istana Darul Hana pada hari Sabtu lalu.

Turut berangkat ka-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Hinmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkiah.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson dan Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa juga turut hadir di-majlis tersebut.

Jeneral Sir Stanier berada di-sini untuk lawatan sa-lama dua hari. Beliau berlepas ka-Hong Kong pada hari Ahad lepas.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menerima chenderamata yang di-sampaikan oleh YDP Dewan Perniagaan Melayu Brunei, Awang Haji Hafidz Laksamana.

Majlis cheramah

JALAN MUARA. — Satu majlis cheramah akan diadakan di-Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal pada hari Rabu 1hb. Disember di-Dewan Perhimpunan/Permainan SBSSR di-Jalan Muara. Majlis tersebut di-adakan bersempena dengan Hari Pelajar sekolah tersebut.

Penyusun Pelajaran Teknikal, Brunei, Awang Mustapha bin Abu Bakar akan menyampaikan cheramah yang bertajuk "Perkembangan Pelajaran Teknikal di-Brunei".

Sa-lepas cheramah tersebut satu soal jawab akan di-adakan.

Lawatan ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Thierry Reynard, Penasehat Perdagangan Perancis di-Kedutaan Perancis di-Singapura kini berada di-sini untuk lawatan sa-lama tiga hari.

Awang Thierry yang tiba di-sini pada hari Isnin di-jadualkan bertolak meninggalkan Brunei esok,

25hb. November.

Sa-masa berada di-sini, beliau telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuklah Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengarah Pembangunan Awam dan Pengarah Perkhidmatan2 Letrik.

Latehan tentera "Ubah Segera"

BERAKAS KEM. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan latehan tentera yang dinamakan "Ubah Segera" bertempat di-Binturan, Tutong dan di-Daerah Temburong pada 1hb Disember depan.

Latehan itu akan melibatkan semua yunit pasokan tersebut dan di-jangka bermula pada jam 9.00 pagi di-kawasan Binturan. Dalam latehan ini semua yunit akan menggunakan peluru hidup dari berbagai jenis senjata api yang di-

gunakan oleh pasokan tersebut seperti meriam katuk, machine gun termasuk juga tembakan2 dari pasokan skuadron dan angkatan laut dan udara yang mana semua itu akan bergabung dalam latehan yang dinamakan "Fire Power Demonstration".

Di-samping itu Pasokan Battalion Kedua juga akan mengadakan "Latehan Pertahanan" yang akan memperlihatkan suasana dalam peperangan yang memerlukan pengendalian barang2 dan peralatan perang.

Seterusnya latehan pada hari itu akan beraleh ka-Daerah Temburong pada sa-belah tengahari-nya yang akan melibatkan kawasan Bukit Raja dan Batu Apoi. Di-sini latehan tersebut di-namakan "Perang Terhad". Ia-nya di-jalankan dalam bentuk serang hendap di-hutan dan di-dalam sungai.

Juruchakap pasokan AMDB berkata, sa-masa latehan2 di-jalankan orang ramai ada-lah di-larang dari menghampiri kawasan2 tersebut.

19 orang anggota askar wanita terima GSM

PERKHIMAHAN BOLKIAH. — Satu Majlis Penyerahan Pingat Laila Jasa Tugas (GSM) kepada sa-ramai 19 orang anggota Askar Wanita telah berlangsung di-sini, pada hari Isnin lepas.

Pingat2 tersebut telah di-sampaikan oleh Pegawai Pemerintah Pusat Latehan, YDM Pehin Datu Pekerma Bijaya Leftenan Kolonel Dato Paduka Hj. Hussin bin Hj. Sulaiman.

Pengormian pingat ter-

sebut ada-lah buat pertama kali-nya di-berikan kepada ahli2 Askar Wanita, yang mana mereka ini terdiri dari Askar Wanita Pengambilan Pertama yang telah genap sa-tahun berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei.

Di-dalam majlis yang ringkas itu juga, YDM Pehin telah menyeru agar mereka akan terus berusaha dan bergiat dengan lebih baik lagi dengan pasokan itu. — ZHS.

Pegawai2 JPPK adakan majlis tahlil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai2 dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah mengadakan majlis tahlil bagi Almarhum Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemanah Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam yang telah mangkat pada 14hb. November yang lalu.

Majlis tersebut di-adakan di-Arama Jururawat, Jalan Sumbiling pada hari Sabtu minggu lalu.

Hadhir di-majlis tersebut ia-lah Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, YB Dato Paduka Dr Awang Haji Johar bin Haji Noordin, Timbalan-nya, Dr Awang Haji Hussein dan pegawai2 serta kakitangan jabatan tersebut.

Pegawai2 dan kakitangan jabatan tersebut juga hadir di-majlis menghantar aying asah-asahan di-Makam Diraja pada 21hb. November yang lalu bersama2 dengan lain2 Kerabat Diraja.

Manis-nya Iman

"SA-TIAP yang melabakkan mu dari menanti Allah terdiri dari pada harta dan anak pinak ada-lah mendatangkan keburukan ka-ada diri mu." — HADITH Nabi riwayat Ibnu Al-Jauzi dari pada Sulaiman Al-Darani.



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
RASHMI
KERAJAAN
BRUNEI

24HB. NOBEMBER, 1982

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Pentadbiran yang efisien: SIKAP TEGOH TERHADAP KERJA

Hasrat untuk mewujudkan pentadbiran yang efisien lagi cergas dan pegawai2 yang jujur lagi amanah terus menerus di-ketarkan. Kursus Sivik bagi kakitangan Kerajaan di semua peringkat perkhidmatan yang bertujuan menyampaikan 'message' yang terkandung dalam hasrat tersebut telah pun di-adakan.

Sa-takat yang mengenai dengan langkah yang sudah di-ambil, perhatian seluroh kakitangan Kerajaan telah di-halakan kepada peratoran2 disiplin. Pemahaman mengenai langkah tersebut sa-jauh ini telah menimbulkan berbagai2 reaksi. Tetapi pada keseluruhannya orang ramai am-nya dan kakitangan Kerajaan khas-nya menerima peratoran2 disiplin itu sa-bagai sudah kena pada masa-nya dalam usaha memberikan perhatian yang sungguh2 terhadap kepentingan jangka panjang kita di-negeri ini.

Khusus mengenai peratoran2 disiplin yang sudah di-ambil dan akan di-buat di-masa2 yang akan datang, perhatian setentu-nya di-berikan kepada tujuan yang mahu di-chapai. Ada-lah tidak tepat jika langkah itu sa-mata2 di-lihat dari segi hukuman ka-atas mana2 yang menyalahi-nya. Saperti yang di-nyatakan oleh Pemangku Pengarah Perjawatan dalam ucapan perasmian Kursus Sivik baru2 ini bahawa perspektif yang betul melihat disiplin ia-lah bukan melihat-nya sa-bagai satu sistem denda yang negatif tetapi ada-lah sa-bagai satu bahagian dari sistem peratoran yang bertujuan, terutama-nya bagi meningkatkan kadar produktiviti dan ke-efishenan jentera Kerajaan.

Berdasarkan itu maka seluroh kakitangan Kerajaan dalam semua perkhidmatan hendaknya memahami tujuan utama langkah2 pentadbiran yang di-ambil sa-takat ini ia-lah bagi meningkatkan kadar penghasilan dan chorak kerja yang lancar. Chatetan kedatangan bekerja mithal-nya bukan-lah sa-kadar untuk menentukan ketepatan masa datang dan balek tetapi ia hendak-lah di-kira sa-bagai satu chara yang meyakinkan akan kesungguhan Kerajaan terhadap chorak dan mutu kerja serta perkhidmatan yang sentiasa mementingkan hasil yang tinggi. Kerana itu kepatuhan kepada peratoran dan disiplin yang di-kuatkuasakan hendak-lah di-sertai dengan kemahuan bekerja dan meningkatkan mutu serta hasil kerja.

Dan oleh kerana kemahuan yang sa-demikian itu berkehendakkan keteguhan sikap terhadap tujuan perkhidmatan Kerajaan maka tentu-lah fahaman mengenai perkhidmatan itu akan merupakan sa-bahagian yang penting untuk di-dedahkan kepada semua lapisan kakitangan. Dengan memahami-nya di-perchayai akan timbul kesedaran. Ini sangat penting apa-tah lagi dalam perkhidmatan Kerajaan kita sudah terbiasa dengan kelaziman2 yang sekarang ini sudah tidak patut lagi di-biarkan. Hasrat untuk mewujudkan pentadbiran yang efisien dan pegawai2 yang jujur serta amanah itu dengan sendiri-nya menolak sa-barang kelaziman yang boleh melemahkan-nya. Maka tugas utama kita ia-lah 'melapihi' unsor2 yang melemahkan itu menerusi berbagai usaha.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberi kita hidayat dengan iman dan Islam, salawat serta salam keatas Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah mengajarkan sebaik2 perkara biar-lah dalam kesederhanaan.

Assalamu alaikum warahmatullahi warabarakatuh.

Kapada Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama di-ucapkan berbanyak2 terima kasih atas ingatan baik, juga kapada ahli2 Jawatankuasa Pembukaan Rasmi Masjid Baru Kampong Sungai Hanching kerana menjemput saya hadir dan melakukan pembukaan rasmi masjid ini. Semoga ingatan baik itu dan ramah mesra ini akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah jua.

Dalam majlis yang amat berkebahagian ini juga saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan rasa bangga atas khidmat yang berupa buah fikiran dan usaha yang telah di-sumbangkan oleh semua pehak sehingga terlaksana-nya pembenaan masjid di-kampung ini. Mudah2an bakti yang telah di-churahkan itu akan mendatangkan kebahagiaan kepada semua yang berke-naan.

Sa-panjang awal tahun baru Hijrah 1403 ini, kita sama2 telah mendengar bahawa beberapa buah masjid yang baru telah di-buka dengan rasmi-nya, dan hari ini kita ada-lah bertuah kerana dapat bersama2 hadir dalam majlis pembukaan rasmi sa-buah lagi daripada-nya. Sesungguh-nya pembukaan rasmi masjid baru di-kampung ini adalah menjadi sa-bahagian daripada bakti yang sangat nyata betapa Kerajaan di-bawah pimpinan yang amat bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sentiasa dan akan terus menerus mengator dan melaksanak-an berbagai rancangan semata2 bagi melaksanakan maksud Perlembagaan, tepat dengan hasrat yang di-tuju dalam menjadikan Islam sa-bagai uagama rasmi di-negeri ini.

Dalam mengukuhkan rancangan2 sedemikian itu saya sedar bahawa dalam jangka pendek dan jangka panjang kehidupan di-negeri ini di-semua segi-nya tidak-lah boleh di-pisahkan daripada kehendak Perlembagaan yang telah menetapkan saperti yang saya sebutkan, dan orang ramai seharusnya menyedari pula bahawa pemilihan Islam sa-bagai uagama rasmi itu tidak-lah di-buat mengikut rentak keinginan lidah, bahkan adalah kerana keyakinan bahawa kita semua akan sanggup memikul segala tanggung-jawab yang ber-bangkit daripada-nya demi kebahagiaan dan kesempurnaan hidup kita zaman ber-zaman.

Saya yakin dalam melaksanakan tanggung-jawab sa-bagaimana kehendak Perlembagaan itu adalah bererti kita juga sedang memperkemas kehidupan

NILAI SA-JAUH MANA PERANAN KITA TERHADAP UGAMA RASMI

kita sendiri dari semasa ka-semasa menurut yang selayak-nya, kerana tidak-lah pernah terdapat satu ajaran dalam Uagama Islam yang bertujuan melemahkan dan merosakkan kehidupan masyarakat di-sebarang zaman dan di-sebarang tempat. Berdasarkan fahaman serupa ini, maka tanggung-jawab kita bukan-lah untuk menilai sesuai tidak-nya Islam itu di-jadikan suatu chara hidup yang lengkap bagi masyarakat, akan tetapi kita sekarang sudah sepatut-nya menilai sejauh mana kita telah turut memikul tanggung-jawab bersama menyesuaikan chiri2 kehidupan masyarakat dengan pengertian Islam sa-bagai Uagama Rasmi.

BIDANG KEBENDAAN

Saya juga melihat, pembangunan dan perkembangan masyarakat di-bidang kebendaan atau lahiriah mesti-lah berjalan terus, akan tetapi pembangunan serupa itu tidak sepatut-nya kita izinkan untuk melemahkan pegangan masyarakat terhadap uagama. Kita mengerti perkembangan yang tumboh di-kalangan masyarakat yang tegoh berpegang kapada nilai2 rohani dan uagama akan lebeh menjamin terchapai-nya munafat dan kesejahteraan yang berpanjangan daripada perkembangan yang berterusan dalam keadaan masyarakat yang semakin lemah pegangan hidup-nya. Maka bagi maksud memelihara perimbangan antara chiri2 kerohanian dan pembangunan itu, peranan kita bukan-lah lagi untuk memikirkan harus tidak-nya kita melibatkan diri dalam pembangunan, akan tetapi tugas kita yang sebenar-nya ia-lah bagaimana memastikan supaya dari awal hingga akhir-nya kita akan sama2 menjalankan tanggung-jawab dan peranan masing2 kearah melibatkan diri pada menyemai ketinggian rohani di-kalangan masyarakat kita supaya terus menerus berkembang menjadi benteng yang mengawal kita dari kesan2 burok yang timbul di-chelah2 pembangunan.

Kita juga harus-lah insaf bahawa ada-lah tidak wajar kita membiarkan ajaran Allah di-tuhmah sa-bagai penghalang kemajuan, sedangkan yang sebenar-nya kelemahan manusia berhadapan dengan kesan2 negatif pembangunan adalah menjadi puncha tuhmahan tersebut. Oleh itu apa yang mustahak ia-lah

BERIKUT ia-lah ucapan Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman dalam majlis pembukaan rasmi Masjid Baru Kampong Sungai Hanching, pada hari Juma'at 12hb. November, 1982.

usaha2 yang tidak mengenal undor pada memastikan supaya bukan-nya uagama yang semesti-nya tunduk kapada kesan2 yang jelek dalam pembangunan lahiriah atau kehendak perseorangan yang berbedza itu, bahkan yang penting ia-lah bagaimana kita semesti-nya mengator supaya perkembangan dan perbedzaan kehendak perseorangan itu dapat di-selaraskan dengan keinginan kita untuk menekmati kemajuan lahiriah di-samping tetap mempunyai kekayaan rohaniah. Biar-lah saya tegaskan, kesan2 burok di-chelah2 pembangunan lahiriah sebenar-nya tidak akan berbangkit sekira-nya manusia berupaya mempertahankan nilai2 rohani.

Saya perchaya, kearah mengujudkan masyarakat Brunei yang maju dan maamor dalam pembangunan di-samping kaya dengan kerohanian itu akan lebeh sempurna kita chapai sekira-nya dorongan2 uagama kita berkembang dan perluaskan dalam masyarakat. Sa-bagai mithalan, dalam kesedaran yang semakin jelas di-kalangan orang2 Islam untuk merebut peluang2 perusahaan dan perniagaan di-negeri ini, maka petunjuk uagama supaya kita tolong menolong dan bersepakat sepatut-nya kita gunakan sebaik2-nya dengan jalan memuchang2, permuafakatan sesama pengusaha dan peniaga2 yang terdiri daripada bumiputera supaya bersatu modal dan bersatu usaha pada mengujudkan bentuk perusahaan dan perniagaan bumiputera yang besar dan sa-banding dengan apa yang telah di-buat oleh kaum2 bukan Islam. Dari segi ini dasar Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah nyata pada menolong peniaga2 bumiputera untuk meluaskan perusahaan dan perniagaan mereka melalui skim pinjaman kewangan dan juga pada meninggikan lagi jumlah penyertaan pemborong2 kita dalam berbagai projek Kerajaan. Walau bagaimana pun, jalan sebenar pada mengujudkan

perusahaan dan perniagaan yang lebeh mantap di-kalangan kaum muslimin barang sa-tentu-nya bergantung pada kezaman dan tindakan para pengusaha dan peniaga2 sendiri merancang perpaduan dan permuafakatan sesuai dengan ajaran2 Islam.

COLLAR BIRU

Kita juga melihat bahawa di-negeri ini terdapat berbagai kerja pembenaan dan kerja2 collar biru yang maseh bergantung kapada tenaga2 luar negeri. Antara lain2 sebab-nya ia-lah keengganan orang2 Islam sendiri untuk menjalankan kerja2 saperti itu, di-mana orang2 kita maseh menyimpan keinginan yang mendalam hanya dalam kerja2 collar puteh. Sikap saperti ini akan melemahkan kaum Muslimin sendiri di-tanah ayer-nya, dan akan memperpanjang keperluan kita kapada tenaga2 luar dalam kerja2 yang boleh kita jalankan sendiri. Dalam keadaan saperti ini, masalah di-hadapan kita sebenar-nya bukan-lah bagaimana mengisi kekosongan yang mereka tinggalkan nanti jika ke-engganan orang2 kita maseh berterusan. Kita sesungguh-nya memerlukan perubahan sikap yang besar2an mengenai perkara ini, dan perubahan sikap saperti itu amat sesuai pula dengan kehendak uagama yang menchintai kerajinan dan anti kapada keengganan untuk memikul apa jua pekerjaan yang halal.

Penetapan Islam sa-bagai uagama rasmi dalam Perlembagaan itu akan menjadi lebeh besar pula hikmat-nya dalam zaman Brunei men-chapai semula taraf merdeka penoh lagi tulen, di-mana pada saat2 saperti itu tanggung-jawab dan chabaran hidup akan lebeh meluas dan datang berganda. Kita dapat menyangka akan terdapat hubongan yang lebeh luas dengan dunia antara bangsa yang akan mendedahkan negeri ini kapada pelbagai keadaan dan ragam kehidupan. Chabaran itu akan kita hadapi bukan-lah dengan jalan mengundurkan kemajuan yang telah di-chapai hanya kerana bimbang akan kesan2 sampingan yang burok, tetapi sebak-nya kita bertanggung-jawab mengketengahkan taraf negeri ini sa-banding dengan lain2 umat, sebab kita pun berkewajipan pula menyediakan bagi jenerasi yang akan datang supaya men-chapai lebeh banyak kemajuan. Untuk faedah ini semua asas keugamaan yang

Lihat muka 9

Alhamdulillah shukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w dan sahabat2 serta pengikut2 baginda yang setia lagi jujur hingga ka-akhir zaman.

Terlebih dahulu izinkan-lah saya mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih kepada pengerusi dan ahli2 jawatankuasa kursus sivik kerana menjemput saya untuk merasmikan kursus sivik kali ini. Saya percaya dan telah di-fahamkan bahawa kursus sivik ada-lah satu daripada beberapa langkah2 kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi mengesankan lagi langkah untuk memperbaiki kadar kecekapan perkhidmatan awam di-semua bidang. Mekanisma untuk memperbaiki prestasi perkhidmatan awam telah lama dan banyak di-jalankan oleh kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Pada masa ini mekanisma tersebut telah dinilai semula: dan barangkali bagi pendapat saya yang menjadi masalah sekarang ia-lah kecekapan mekanisma itu dan sa-jauh mana yunit yang berfungsi meningkatkan prestasi. Perkhidmatan awam benar2 dapat membawa pembaharuan dan di-beri perhatian penuh dan mendapat sokongan baik oleh yang terlibat.

MASALAH DISIPLIN

Ternyata langkah2 ini sahaja belum dapat menjamin kerajaan yang efisien. Sa-buah jentera Perkhidmatan Awam yang mempunyai lebih 23 ribu pekerja dan kakitangan sudah tentu mempunyai masalah disiplin yang bukan kecil. Bilangan pekerja2 dan kakitangan yang menyalah-gunakan masa, harta dan kemudahan2 kerajaan untuk kepentingan mereka sendiri bukan kecil. Saya mentafsirkan bahawa pengambilan waktu minum yang berlebihan oleh pegawai2 dan kakitangan sahaja boleh mengakibatkan kerugian hampir berjuta ringgit satu tahun.

Pembaziran hasil dari penyalah-gunaan kuasa, harta dan kemudahan Kerajaan juga jika di-kaji, mungkin bukan kecil jumlahnya. Di-samping itu masalah2 disiplin lain seperti sikap kerja yang negatif dan berbagai bentuk kegiatan seleweng juga wujud. Memandangkan ini, memang-lah telah tiba masa-nya untuk Jabatan Perkhidmatan Awam memperketat pengawasan dan penadbiran disiplin-nya.

Tindakan mengedarkan panduan2 mengenai peraturan disiplin kepada semua ketua jabatan dan pegawai2 yang bertanggung-jawab dalam hal ini ada-lah wajar. Peraturan2 disiplin yang lengkap, sa-ragam dan eksplisit sebenar-nya boleh menguntungkan kedua belah pihak. Di-samping menjadi panduan ketua2 jabatan untuk bertindak terhadap mana2 pekerjaan yang

Peratoran disiplin bekerja: KEMAJUAN-NYA BERGANTONG KAPADA PERLAKSANAAN-NYA

BERIKUT ia-lah ucapan Pemangku Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, ketika merasmikan Kursus Sivik bagi kakitangan Kerajaan dalam Bahagian V dan Bergaji Hari yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada 11hb. Nobember yang lalu.

menyeleweng dengan lebih berkesan, ia juga boleh membantu pekerja mengetahui kesalahan mereka dan mengambil tindakan membetulkan sa-belum terlewat.

BIJAK DAN ADIL

Tetapi bagaimana juga hal-nya dengan peratoran yang baik, kejayaan-nya tergantung bukan sedikit kepada pelaksanaan-nya yang bijak dan adil. Perspektif yang betul melihat disiplin bukan sa-bagai satu sistem denda yang negatif tetapi sa-bagai satu bahagian dari sistem peratoran yang bertujuan, terutama-nya, meningkatkan kadar produktiviti dan keefisienan jentera kerajaan. Jadi-nya, lebih penting dari menchatet dan menjaga ketepatan masa datang dan pulang bekerja, ia seharusnya berupaya meningkatkan mutu dan taraf prestasi keseluruhan perkhidmatan awam sa-bagai satu sistem organisasi. Ini-lah sahaja seharusnya ukuran yang menentukan sama ada pengetatan disiplin ini telah mencapai matlamat sebenar-nya.

Tegas-nya, satu sistem perkhidmatan awam yang efektif tidak-lah akan wujud kerana pelaksanaan disiplin yang ketat sa-mata-mata. Langkah2 yang boleh meningkatkan prestasi kerja sa-chara langsung mesti turut sama di-tekan.

ETIKA KERJA

Buat masa ini satu masalah yang biasa timbul ia-lah etika kerja. Di-sarankan satu etika kerja yang baik di-dalam satu organisasi menyebabkan daya pengeluaran organisasi itu tinggi. Jika kita mengikut hujah ini maka jelas-lah yang di-sentuh ia-lah perkara di-peringkat kakitangan, ia-itu manusia yang bekerja di-dalam sa-satu organisasi. Pihak pengurusan perlu mengembelingkan tenaga manusia yang bekerja di-sebuah pejabat bagi mencapai sa-satu tujuan pejabat itu. Mendapatkan kerjasama yang erat antara para pekerja ada-lah satu usaha yang perlu di-buat kerana hanya dengan ada-nya penggabungan kuasa dan kemahiran antara kumpulan pekerja itu baru-lah sa-satu jabatan dapat

menjalankan tugas yang di-pertanggung-jawabkan. Kakitangan memerlukan pengiktirafan ka-atas kerja yang mereka laksanakan. Mereka berkehendakkan pehak pengawal atasan memberi peluang kepada mereka untuk mengadakan suasana yang baik di-dalam sa-satu pejabat, yang membolehkan mereka menggunakan dayachipta dan inisiatif untuk melaksanakan tanggung-jawab.

Pihak pengurusan hendak-lah menggunakan berbagai strategi dan taktik untuk memberi perangsang kepada pekerja supaya mereka mempunyai sikap positif dan men-chetuskan dayausaha yang tinggi bagi menjalankan tanggung-jawab yang di-beri. Pertukaran sikap ini amat penting kerana sa-kira-nya sa-seorang itu hanya bersikap makan gaji maka ia tidak akan membuat lebih daripada apa yang di-beri kapada-nya, bekerja mengikut waktu dan masa tertentu saja. Dalam lain perkataan kakitangan ini ada-lah golongan yang mengabdikan diri kapada gaji; dan Ketua juga harus memperkukuhkan semangat kerja sa-chara kumpulan melalui sikap dan semangat bekerja yang di-tunjukkan oleh ketua kapada kakitangan. Dengan kata lain untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi dan berkesan, sa-lain mempunyai semangat 'kakita'an' mereka mesti mempunyai semangat 'ini pejabat kita', 'ini Jabatan kita' dan 'kita-lah bertanggung-jawab memberikan image baharu dan nama yang baik'. Etika kerja itu hendak-lah berasaskan 'ilmu' dan 'amal'.

DAYA PENGELUARAN

Satu Pejabat Kerajaan, Pejabat Perjawatan misal-nya boleh di-sifatkan satu shariat perusahaan, walaupun matlamat atau tujuan2-nya berlainan tetapi kalau di-teliti sehalus2-nya, misal-nya tentang tujuan bagi meningkatkan faedah2 daya pengeluaran yang hendak di-chapai pada konsep-nya sama. Dari itu apabila pekerja2 kita memahami bahawa hanya dengan meningkatkan daya pengeluaran maka shariat atau lembaga pengarah atau jabatan kera-

jaan di-mana mereka bekerja akan menjadi lebih "competitive", lebih "productive" dan dapat mempertahankan kedudukan mereka yang "viable" dalam keadaan kemerosotan ekonomi yang paling buruk, atau kemerosotan dayausaha; kemerosotan perkhidmatan maka baru-lah gerakan daya pengeluaran ini dapat berjalan dengan baik.

Hanya dengan meningkatkan daya pengeluaran maka baru-lah pehak majikan dapat memberi jaminan bahawa pekerjaan para pekerja mereka tidak akan terancam apabila keadaan ekonomi kurang baik, dan memberi faedah yang lebih serta gaji yang tinggi apabila keadaan ekonomi bertukar menjadi cerah. Mereka hendak-lah benar2 menyedari bahawa daya pengeluaran mestilah darah daging, semangat dan budaya kerja kita sa-bagaimana hal-nya dengan orang2 Jepun dan bangsa yang maju. Ini ada-lah satu usaha yang akan memakan masa yang panjang yang harus kita menempoh sa-kira-nya kita mahukan Brunei menjadi sa-buah masyarakat maju menjelang tahun2 sembilan puluhan.

MEMJAMIN SURVIVAL

Untuk membantu konsep daya pengeluaran berkembang maju, maka faedah2 daya pengeluaran mesti-lah di-imbangi dan di-nekmati oleh semua pehak ia-itu pehak majikan dan pehak pekerja. Dengan yang demikian para pekerja akan mempunyai kesedaran bahawa mereka juga mempunyai untong nasib masa depan yang sama untuk menjamin "survival" dan kemakmoran shariat dan pejabat mereka. Para kakitangan akan menyumbangkan khidmat yang terbaik sekira-nya kesejahteraan mereka di-kaitkan rapat kapada prestasi pejabat (tempat) mereka bekerja.

Di-dalam usaha kita untuk mencapai efisiensi dan produktiviti yang tinggi maka unsur2 yang di-sebutkan di-bawah ini ada-lah perlu di-wujudkan dan perkembangan di-kalangan pegawai2 dan kakitangan pejabat ini. Unsur2 positif seperti:

Semangat perkumpulan (team spirit);
Pelibatan (commitment); Ta'at kapada Pejabat
Sikap bekerja yang positif;
Pelajaran — Pembelajaran dan kemahiran tentang pekerjaan kita harian; dan Pengurusan yang baik.

Perlu di-tegaskan di-sini bahawa konsep 'produktiviti' dan 'efisiensi' ini mesti di-serahkan di-dalam pemikiran sa-tiap pegawai dan kakitangan di-semua peringkat jabatan itu. Idea bahawa kita boleh menjalankan tugas dengan pantas dan sempurna, kerjasama seponoh-nya di-kalangan pekerja2; penyelia2 dan; pentadbir2 dan penggunaan mesin2 dan alat2 pejabat yang lebih baik dan berkesan perlu di-tanamkan di-kalangan pegawai2 dan kakitangan kita.

Penuntut Brunei di-pilih sa-bagai Penuntut Terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Effandi Victor Salleh, bekas pelatoh di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah di-pilih sa-bagai salah sa-orang penuntut sebarang laut yang terbaik di-Filipina dalam bulan September yang lalu. Awang Effandi ia-lah penuntut tahun kedua di-Central Luzon State University di-Filipina bagi mengikuti kursus ijazah dalam bidang pertanian atas biasiswa Shariat Minyak Shell Brunei Berhad.

Kelakulan akademik beliau di-iktiraf oleh universiti tersebut apabila beliau terpilih sa-masa pemilihan bagi

Penuntut Sebarang Laut Yang Terbaik di-Filipina, ia-itu projek yang di-kendalikan oleh Pertubuhan Penuntut Antarabangsa di-Filipina.

Sa-ramai 52 orang penuntut di-seluruh Filipina dari 10 buah negara telah di-chalunkan untuk tujuan tersebut. Pemilihan adalah berdasarkan kelakuan akademik, kegiatan2 kemasharakatan, bakat dan pergaulan yang istimewa. Keputusan temu-duga ujian bertulis.

Keputusan terakhir ada-lah seperti berikut: Pertama penuntut dari Colombia (perempuan), kedua dari Malaysia

(perempuan), ketiga dari Kanada (perempuan) keempat Brunei (Effandi) dan kelima dari Nigeria (lelaki).

Dengan keputusan itu menunujkan Awang Effandi ia-lah penuntut lelaki terbaik bagi tahun ini.

Awang Effandi, 24 tahun bekas penuntut Sekolah Inggeris Berakas dari tahun 1972 hingga 1976 dan di-Pusat Tingkatan Enam dari tahun 1977 hingga 1978.

Oleh kerana kechen-derongan-nya untuk memasuki kerjaya dalam bidang pertanian, beliau memohon bagi mengikut latehan sa-bagai tek-

nishen di-Pusat Latehan Pertanian dalam tahun 1979.

Sa-telah 12 bulan mengikuti latehan. Effandi munchol sa-bagai penuntut terbaik. Kemudian beliau bekerja di-Jabatan Pertanian sa-lama sa-tahun dan mengawasi projek penanaman padi di-Wasan.

Sa-belum memasuki Central Luzon State University, beliau mengikuti latehan sa-lama empat bulan dalam bidang teknik pengeluaran padi, pemeliharaan tanaman dan penilaian biji2an di-Pusat Latehan Pengkajian padi Maligaya Filipina yang juga di-biayai oleh Shell.



Awang Effandi (kiri) bersama2 dengan penuntut2 yang menerima hadiah terbaik seluruh Filipina.

Ilmu yang bukan Sha'ra' itu ada kala-nya haram, ada kala-nya makroh, dan ada kala-nya mubah (harus).

Maka ilmu yang haram itu seperti belajar ilmu sihir, sa-bagaimana telah di-tegaskan oleh jamhor Ulama. Dan tiap-tiap ilmu yang membawa shak pada 'akidah dan kitab2 Nujum dan kitab2 Sha'bazah (ia-itu perbuatan khayal di-sebabkan kepantasan tangan sa-hingga boleh mengelirukan pandangan mata) dan ilmu Tab'at yang membawa shak pada 'akidah atau Islam, dan haram-nya itu ada berbagai2 peringkat (saperti kitab2 Ibnu Arabi, dan kitab Al-Asrar bahasa Melayu, dan kitab so'al jawab Hasan Ahmad bahasa Melayu), yang mana kitab2 tersebut mendatangkan shak dan ragu pada 'akidah dan pada Islam, pada Fiqh Islam, dan pada Ulama Islam. Demikian juga ilmu Mukhannith, sa-bagaimana yang kita tahu bahawa orang Mukhannith ia-lah kedi ia-itu orang lelaki yang berperangai dengan perangai perempuan pada

PENDIDEKAN DALAM ISLAM

Siri Ke-159

gerak-geri dan keadaan dan rupa, ia-itu haram sama ada tari itu di-lakukan oleh orang lelaki atau perempuan, atau yang ada berchampur gaul antara lelaki dengan perempuan, kerana di-dalam tarian itu ada tashabbuh (penyerupaan) lelaki dan perempuan dan menimbulkan dayyuth dan quaad yang mana semuanya itu fasiq serta membawa pada dosa besar. Ilmu yang makroh itu seperti pantun dan sha'er yang ada di-dalam-nya chumbu-chumbuan, as-mara sa-hingga mengha-

biskan masa dengan tiada berfaedah (bitalah). Ada pun pantun dan sha'er yang menggalakkan perchamporan lelaki dan perempuan dan ada unsur yang membawa kerosakan dan kejahatan dayyuth maka pantun seperti itu haram dan fasiq seperti sha'er peranakan Arab. Ilmu yang harus seperti sha'er dan pantun yang tiada pada-nya kerendahan maruah, dan tiada pada-nya yang membawa makroh, dan tiada mengajak pada kejahatan dan dosa, dan tiada menegah

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

dari melakukan kebajikan, atau tiada mengajak pada melakukan kebajikan (pada Ugama). (Ada pun sha'er Arab tulin, ada-lah ia ilmu bahasa Arab dan ia dari perkara Fardhu Kifayah). 1. Mengajar penuntut dan memberi pelajaran kepada pelajar2 akan ilmu Fardhu 'Ain dan ilmu Fardhu Kifayah dan memberi fatwa kepada orang yang minta fatwa, ada-lah Fardhu Kifayah. Sekira-nya tiada di-situ siapa yang layak melainkan sa-orang sahaja, maka mengajar ketika itu men-

jadi Fardhu 'Ain. Sunnat bagi guru itu berlembut-lembut dengan penuntut atau pelajar dan berbuat baik kapada-nya sa-bberapa daya upaya, bahawa telah di-riwayat-kan daripada Al-Imam Attarmizi menurut sanad-nya daripada Abi Harun Al-'Abdi, kata-nya : "Kami telah datang kapada sahabat Abi Sa'id Al-Khudri (Radiallahu 'anhu), dan ia berkata selamat datang dengan pesan (Rasulullahi Sallallahu 'Alaihi Wasallam) dalam sabda baginda yang erti-nya : "Bahawa

orang2 mengikut langkah jejak kamu (Sahabat2 Rasulullah), dan bahawa sa-nya orang2 lelaki datang dari sa-genap negeri hendak belajar dan mengetahui perkara ugama Islam maka apabila mereka datang kapada kamu, hendak-lah kamu terima pesanan saya itu dengan baik yakni sampaikan ajaran Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam kapada mereka chara yang baik, lembut dan simpati."

WALLAHU A'ALAM
(bersambong)

Majlis Khatamal Kor'an di-sana sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bersempena dengan kedatangan Awal Tahun Baru Hijrah 1403 beberapa achara keugamaan telah di-adakan diseluruh negeri termasuklah Majlis Khatamal Al-Kor'an yang mana telah di-adakan baru2 ini di-empat buah tempat yang berasingan. Di-Daerah Brunei-Muara majlis tersebut telah berlangsung di-Masjid Kampong Batu Marang bagi pelajar2 kelas dewasa Dae-

rah Brunei-Muara. Majlis itu di-anjorkan oleh Pelajar2 Kelas Dewasa Al-Kor'an kampung berkenaan. Pegawai Daerah Brunei-Muara Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar telah hadir ka-majlis itu selaku tetamu kehormat. Majlis yang sama telah di-adakan di-Kampung Lurong Dalam bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah bagi murid2 Seko-

lah Ugama Daerah Brunei-Muara. Tetamu kehormat di-majlis itu ia-lah Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei. Sementara itu di-Daerah Tutong majlis tersebut telah di-adakan di-Sekolah Melayu Kiudang bagi Pelajar2 Kelas Dewasa Perempuan bagi Mukim Lamunin. Menghadhiri majlis tersebut ia-lah Datin

Hajjah Zahrah bte Haji Idris, ia-itu isteri kapada Y.A.B. Pemangku Menteri Besar. Manakala itu di-Daerah Belait majlis yang sama telah juga di-adakan di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait, bagi pelajar2 Kelas Dewasa Perempuan. Hadir di-majlis tersebut ia-lah Dayang Zaleha isteri kapada Pegawai Daerah Belait.



Datin Hajjah Zahrah (kanan) dan lain2 hadirin ketika hadir di-majlis Khatamal Kor'an di-Kampung Kiudang.



GAMBAR2 atas, atas kanan dan kanan menunjukkan majlis2 Khatamal Kor'an di-Kuala, Belait, Kiudang dan Kampung Lorong Dalam, Kampong Ayer.



MARI-LAH kita terus menerus bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan taat menjunjung titah perintah-nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Ada-pun kemudian daripada itu, mari-lah kita perhatikan sa-buah peribahasa Melayu yang berbunyi: "Di-mana ada kemahuan di-situ ada kejayaan." Ada-nya kemahuan ada-lah salah satu unsur penting bagi menentukan tercapainya satu2 maksud dan chita2. Kerana kemahuan itu ada-lah punca utama bagi membuka jalan ka-arrah perancangan, pengkajian, dan pelaksanaan pada menjayakan sa-suatu maksud atau chita2. Allah s.w.t. telah menentukan bahawa sa-suatu itu mesti ada sebab2 dan penchapaian sa-suatu maksud itu ada-lah bergantung kepada kekuatan kemahuan.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda, erti-nya: "Sesungguhnya segala pekerjaan itu mesti-lah ada dengan niat".

DIDEKAN JIWA

Tiada shak lagi bahawa barangsiapa yang kuat kemahuan dan lurus niat-nya untuk menchapai sa-suatu maksud atau chita2 itu pasti-lah ia akan berikhtiar dan bekerja dengan kuat dan bersungguh2 untuk menchapainya. Sa-balik-nya barangsiapa yang lemah kemahuan-nya dan tiada tentu niat tujuan-nya, pasti-lah lemah daya ikhtiar-nya dan lemah pula chara-nya bekerja.

Kemahuan ada-lah merupakan didekan jiwa yang menjadi penggerak utama bagi sa-seorang itu gigih berikhtiar dan rajin bekerja untuk menchapai satu2 maksud atau chita2-nya yang tiada mustahil dapat di-chapai. Apabila didekan itu sudah sebatik maka jadi-lah ia sa-bagai satu bakat kepada diri. Apabila menghadapi segala dugaan dan rintangan yang datang dalam sa-tiap usaha dan kerja-nya, ia akan menjadi orang yang tegoh pendirian dan kuat keazaman serta pantang menyerah kalah dalam menjayakan sa-tiap maksud atau chita2-nya. Tegas-nya tidak-lah ia seperti yang di-katakan orang yang hangat2 tahi ayam.

Didekan seperti itu amat-lah mustahak di-tanamkan kepada angkatan baru bangsa kita supaya dengan demikian dapat-lah kita melahirkan angkatan baru yang berhemah tinggi, bekerja kuat dan penuh dedikasi kerana dengan demikian-lah antara lain

PENCHAPAAN SA-SUATU BERGANTONG KEPADA KEMAHUAN



yang boleh mengangkat bangsa dan negara kita ka-merchu kemajuan, ketinggian dan kemuliaan. Dan dengan demikian-lah bangsa kita benar2 akan mendapat bersaing dengan lain bangsa yang lebeh maju dan lebeh kuat dari kita.

LEMAH KEMAHUAN

Suatu umat atau bangsa yang lemah kemahuan, akan lemah pula daya ikhtiar dan daya bekerja-nya. Sedangkan umat atau bangsa yang lemah daya ikhtiar dan daya kerja-nya itu pasti-lah tetap di-dalam keadaan mundur, terkebelakang dan di-kalahkan oleh umat atau bangsa2 lain yang gigih berusaha dan bekerja. Sa-balek-nya umat atau bangsa yang kuat kemahuan dan bersungguh2 bekerja pasti-lah mereka akan beroleh kemajuan, ketinggian dan kemuliaan. Chontoh-nya dapat kita perhatikan dua bangsa yang pernah di-kalahkan di-dalam peperangan Dunia Kedua dahulu ia itu bangsa Jepun dan Jerman, oleh kerana kedua2 bangsa itu kuat kemahuan untuk menebus maruah bangsa-nya lalu mereka berganding bahu bekerja dengan bersungguh2 dan bekerja dengan kuat dan rajin sa-hingga akhir-nya mereka bukan sahaja dapat menebus maruah sa-bagai bangsa yang di-kalahkan di-dalam peperangan tetapi telah munchul sa-bagai bangsa yang termaju dan di-pandang tinggi oleh dunia sekarang.

Allah s.w.t. telah mendorong umat Islam supaya berkemahuan

kuat dan jangan mudah menyerah kalah di-dalam satu2 usaha dan perjuangan, firman-Nya dalam Surah Ali-Imran ayat 139, kira2 maksud-nya:

"Dan jangan-lah kamu (orang2 yang beriman) merasa lemah (dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam), dan jangan-lah kamu merasa dukachita terhadap apa yang akan menimpa kamu, pada-hal kamu ada-lah orang2 yang tertinggi (mengatasi) musuh dengan menchapai kemenangan jika kamu orang2 yang (sungguh2) beriman".

PALING MULIA

Ayat Kor'an ini telah menerangkan kepada umat Islam bahawa dalam perjuangan menegakkan chita2 meninggikan ugama Islam, umat Islam hendak-lah jangan mudah merasa lemah dan dukachita kerana sebenar-nya adal-ah umat yang paling mulia dan tinggi darjat-nya dari umat2 lain.

Perjuangan menegakkan ugama Islam itu adal-ah sa-bahagian dari tuntutan2 Islam dan di-samping itu maseh banyak lagi lapangan2 perjuangan yang tidak kurang di-kehendaki mereka membuang rasa lemah dan dukachita itu, bahkan segala lapangan adal-ah berkehendakkan kepada kemahuan yang kuat dan kegigihan bekerja dan berusaha demi untuk menchapai sa-barang kejayaan.

Dari itu mari-lah kita menanamkan kemahuan yang kuat itu kepada diri kita dan angkatan baru

kita, supaya dengan itu jadi-lah kita suatu umat yang tahan lasak yang boleh menchapai kejayaan dalam sa-tiap usaha dan chita2 yang mulia.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 24hb Nobember, 1982 hingga ka-hari Selasa 30hb Nobember, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
24hb Nob	12.12	3.31	6.09	7.24	4.38	4.53	6.10
25hb Nob	12.12	3.31	6.09	7.24	4.38	4.53	6.10
26hb Nob	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54	6.12
27hb Nob	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54	6.12
28hb Nob	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54	6.12
29hb Nob	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54	6.12
30hb Nob	12.13	3.32	6.10	7.25	4.39	4.54	6.12

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Sabar senjata menghadapi dugaan

Bingkisan minggu ini

Manusia samada laki2 atau perempuan, miskin atau kaya yang hina mahupun yang berpangkat patut-lah mempunyai sifat2 sabar dalam menjalani ranjau kehidupan yang menchabar keimanan kita ini.

Sabar itu ada-lah suatu sifat yang dapat menjamin sa-tiap pemilek-nya untuk menchapai tingkat kejayaan yang di-chita2kan, sa-hingga dengan ada-nya sifat saperti itu segala rintangan yang menghalang-nya akan dapat di-patahkan.

Lebeh 70 tempat ada di-sebutkan di-dalam Al-Kor'an tentang kelebehan orang2 yang mempunyai sifat sabar. Di-antara-nya firman Allah dalam Surah An-Nahl ayat 96 yang bermaksud: "Dari kami (Allah) membalas orang2 yang sabar itu dengan pahala yang terlebeh baik dari usaha yang telah mereka perbuat."

Untuk menduga sa-jauh mana kesabaran sa-seorang itu Allah menurunkan beberapa chubaaan, ia-nya bukan saja di-timpakan kepada kita tetapi juga di-timpakan kepada Nabi2 dan para salihin. Chontoh tingkat kesabaran yang paling tinggi ia-lah dari Nabi Ayub (Alaihissalam) di-mana beliau telah menderita penyakit kusta yang sangat teruk, maka berkata-lah isteri-nya kepada-nya: "Mengapa-kah kekanda tidak memohon kepada Allah supaya di-sembohkan penyakit yang kanda hidapi itu?" Nabi Ayub lantas menjawab: "Tidak-kah engkau tahu

kita sifat sabar, kerana Allah telah berjanji akan menolong orang yang sabar dalam apa jua suasana dan keadaan. Firman Allah di-dalam Al-Kor'an yang erti-nya: "Bahawasa-nya Allah bersama2 orang yang bersabar."



Dayang Norina bte Abdullah

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Keramaian saudara baru kini bertambah lagi apabila sa-orang gadis Iban Rina anak Sampan, 15 tahun yang berasal dari Kampong Limpasong, Limbang, Sarawak memelok ugama Islam di-satu majlis yang berlangsung di Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada 13hb. Nobember yang baru lalu.

Rina melafazkan ikrar Islam-nya di-hadapan sa-orang pegawai di-jabatan tersebut. Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin. Rina sekarang di-kenali sa-bagai Dayang Noorina bte Abdullah.

bahawa aku telah merasakan senang sa-lama 70 tahun? Jadi tidak-kah kita boleh bersabar merasakan susah yang baru sedikit ini?" Tidak lama sa-lepas itu Nabi Ayub pun sembuh sa-telah lama bersabar menghadapi dugaan Allah yang amat berat itu.

Dari cherita ini dapat-lah kita mengambil iktibar bahawa orang yang sabar betapa pun penderitaan yang di-alami-nya, akhir-nya akan di-beri kelapangan oleh Allah s.w.t. Jangan sekali2 kita berputus asa dari rahmat Allah kerana orang yang berputus asa itu sa-olah2 meragui kebesaran dan kekuasaan Allah.

Kesimpulan-nya hanya kesabaran saja yang dapat mententeramkan jiwa dan hati kita dalam menempoh gelombang hidup ini. Kesabaran akan menjadi obat dan penawar ketika menghadapi jalan buntu dan rubit. Tanpa ada-nya kesabaran, bukan sahaja akan menimbulkan penyakit jiwa, malah sa-tiap masaalah akan menjadi lebeh rumit dan kusut.

Sa-bagai sa-orang yang beriman perlu-lah kita menanamkan dalam diri

KESELAMATAN DI-JALAN RAYA TANGGONG-JAWAB BERSAMA

TEMBURONG.— Para pengguna jalan raya telah di-seru supaya sama2 memikul tanggung-jawab menjaga keselamatan di-jalan raya.

Yang Berhormat Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit, Pengarah Kerja Raya ketika membuat seruan sa-demikian sa-lanjutnya menekankan yang jalan2 raya ada-lah disediakan untuk semua pehak pengguna baik yang terdiri dari pemandu2 kereta, motorsikal, basikal dan pejalan kaki.

yang tertentu sahaja saperti pehak polis, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kenderaan Darat. Pehak pengguna2 jalan raya juga sa-harusnya mengambil peranan yang penting dalam hal ini, jelas Yang Berhormat itu lagi.

Yang Berhormat Pengarah Kerja Raya itu membuat seruan demikian ketika merasmikan peraduan permainan lalu-lintas Brunei Shell perengkat negeri Ahad lepas di-kawasan letak kereta di-Pekan Bangar.

Kerajaan, tambah Yang Berhormat itu lagi sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap keselamatan di-jalan raya. Di-samping membaiki jalan2 yang ada dan membuat jalan2 yang baru untuk memberi keselesaan kepada pengguna2 jalan raya, peratoran2 dan undang2 jalan raya akan sentiasa di-praktikkan sa-tiap masa dan aspek2 keselamatan sedang dan

akan terus di-perbaiki dari sa-masa ka-semasa.

TIDAK BERKESAN

Perkara ini, jelas Yang Berhormat itu lagi tidak akan memberikan kesan apa2 jika pengguna2 jalan raya maseh lagi tidak menghiraukan peratoran2 dan tidak mahu sama2 memikul tanggung-jawab dan dalam menjaga dan mempraktikkan ke keselamatan di-jalan raya.

Hadhir di-majlis itu termasuk-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh, Pengarah Urusan Brunei Shell Awang Peter Everett serta pegawai2 kanan Kerajaan dan sharikat tersebut.

Munchol di-tempat pertama di-dalam peraduan itu ia-lah Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong, kedua, Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi Temburong dan ketiga, Sekolah Persediaan Inggeris Bangar. — S.L.



Yang Berhormat Pengiran Ismail menyampaikan piala pusingan kepada wakil Sekolah Persediaan Inggeris Temburong yang berjaya menjadi johan dalam peraduan tersebut.



Pemenang kedua peserta2 Sekolah Melayu Sultan Hashim bergambar ramai bersama dengan pengawas2 mereka (atas). Sementara gambar bawah kelihatan peserta2 ketika mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.



Masjid baru di-Kampong Sungai Hanching di-buka rasmi

KG. SUNGAI HANCHING. — Sa-buah lagi masjid baru di-buka rasmi bersempena dengan sambutan kedatangan awal tahun baru Hijrah 1403. Masjid baru yang menggantikan bangunan masjid lama itu berharga kira2 \$800 ribu boleh menampung kira2 600 orang jemaah.

Bangunan masjid baru itu di-bena di-atas sa-keping tanah yang telah di-wakafkan oleh Awang Haji Mohammad bin Tali salah sa-orang penduduk di-kampong tersebut.

Masjid pertama yang mula2 di-bena di-kampong tersebut letaknya berhampiran dengan masjid yang ada sekarang. Pembenaannya bermula tahun 1952 diusahakan oleh penduduk kampung sa-chara bergotong royong. Dalam tahun 1955 masjid tersebut telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali saifuddin Sa'adul Khairi Waddin (sekarang ini di-kenal sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan).

Sementara pembukaan rasmi masjid baru itu telah di-sempurnakan oleh Yang Berhormat



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika berucap.

Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman bin Dato Setia Mohd. Taib, Pemangku Setiausaha Kerajaan Brunei sa-jurus sa-belum menunaikan sembahyang fardhu Jumaat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dalam ucapan alu2an-nya di-majlis itu berkata, masjid itu ada-lah sa-bagai hadiah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan kerajaan Baginda kepada penduduk2 Islam di-mukim ini.

Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu juga berseru kepada penduduk mukim itu supaya

memelihara dengan sa-baik2-nya dan menggunakan dengan sempurna-nya masjid tersebut untuk menjadi pusat perkembangan agama Islam sa-hingga shi'ar Islam akan bersinar dengan sa-indah2-nya dan menerangi dengan ajaran2 Allah sa-tiap jiwa yang hidup di-dalam mukim tersebut.

Dalam kesempatan itu Yang Berhormat itu juga telah menerangkan beberapa perkara yang berhubung dengan taubat yang sa-wajar-nya dilakukan oleh sa-tiap orang Islam yang ingin mendapat keredhaan Allah s.w.t. di-dunia dan di-akhirat.

Terdahulu sa-belum itu ucapan alu2an telah juga di-sampaikan oleh Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad sa-laku Pengerusi majlis pembukaan masjid tersebut.

Majlis hari itu di-mulakan dengan bacaan ayat2 suchi Al-Kor'an yang di-sampaikan oleh Awang Haji Abdullah bin Lakim. Ia-nya di-hadiri antara lain oleh Yang Berhormat Kadhi Besar Brunei, Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Pegawai2 Ugama serta Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak dari 24hb Nobember hingga 30hb Nobember

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Serasa	24.11.1982	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Melayu Mentiri	24.11.1982	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	24.11.1982	Rabu	11.30-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu A.H.M.Y. Kati Mahar	27.11.1982	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	27.11.1982	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Mulaut	27.11.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	27.11.1982	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	27.11.1982	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	27.11.1982	Sabtu	4.00- 5.00 "
Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara	29.11.1982	Isnin	1.45- 2.45 "
Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching	29.11.1982	Isnin	3.00- 4.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah)	30.11.1982	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Melayu Anggerek Desa	30.11.1982	Selasa	10.30-11.30 "



Radio minggu ini

ADA IKLAN JURUHEBAH SAMBILAN

Satu iklan tersiar di-akbar minggu itu. Dua puluh empat jam sa-lepas iklan tersiar di-kalangan pembaca, talipon sambongan 251 berdering di-RTB. Sa-lepas memberi salam suara di-hujung talipon itu terus menerkam. "Berapa ribu sa-bulan gaji Juruhebah Sambilan di-RTB tu?"

Satu pertanyaan yang mengegarkan talipon sambongan 251 itu. Dia menyebut angka 'ribu' itu pun macham menyindir sahaja bunyi-nya.

"Kami Juruhebah tetap pun empat ratus sahaja 'start' macham mana pula Juruhebah Sambilan gaji beribu?" "Saya chuma bertanya."

"Ada apa tanya-tanya. Saudara membuat 're-search' atau membuat 'thesis' untuk ijazah M.A." "Bukan apa apa. Saya ada bacha iklan Juruhebah Sambilan memerlukan kelulusan peringkat 'O'. Saya fikir tinggi kelulusan tentu-lah tinggi pulak gaji-nya. Bjsa-nya begitu." "Di-England atau di-Amerika, untuk memegang jawatan Juruhebah Sambilan ni biasa-nya memerlukan ijazah universiti."

"Itukan di-England. Di-Amerika. Mana dapat di-samakan. Saya belum pernah kesana. Tapi khabar-nya di-negeri orang puteh tu, tukang tarek2 wayang saja pun memerlukan 'degree'. Bukan begitu?"

"Sama juga dengan kita di-sini. Khabar-nya ramai juga yang 'pass' 'O' level tapi maseh menganggur. Pileh kerja." "Yang saya tahu, radio itu merupakan tanah semaian untuk bibit2 bangsa yang berbakat. Tempat mengasah artis2 di-masa akan datang. Jadi ada-kah radio lebeh mementingkan kelulusan daripada bakat?"

"Kalau boleh biar-lah kedua-dua-dua sekali. Kelulusan ada bakat pun ada. Saperti kata orang2 muda kita sekarang, mulut mahu manis hati mahu baik."

"Saya sa-belum ini berpendapat bakat-lah yang me-

ainkan peranan penting untuk menjadikan sa-seorang Juruhebah itu berjaya. Bukan kelulusan. Bakti-nya; tidak ada penyanyi terkenal di-dunia ini, atau tidak ada dari mashor di-dunia ini, atau tidak ada pemain boleh sepak yang handal di-dunia ini yang berkelulusan universiti. Chari-lah! Chuma kejayaan mereka itu kerana bakat. 'Talented' orang-nya."

"Saya tidak menafikan itu. Tapi kalau kita mementingkan bakat sahaja, bagaimana Juruhebah itu nanti mahu membuat komen, komintar, ulasan mengenai peristiwa politik, ekonomi, dan kebudayaan bangsa kita. Kalau tidak ada kelulusan macham mana mereka mahu menegakkan shiar Islam. Mana chupuk dengan ranchangan balek2 mengenai sembahyang sunnat dan sembahyang kadha sahaja. Juruhebah itu tugas-nya bukan sekadar putar2 rekod sahaja. Kalau itu sahaja kerja-nya, orang tak sekolah pun boleh."

"Kalau itu tugas Juruhebah Sambilan, saya fikir saya sesuai sangat untuk itu. Chuba saudara kira; semasa sekolah dulu saya pernah menjadi johan sharahan, johan sajak dan johan bahas. Main bola tak usah di-kira lagi. Pernah main satu 'team' dengan Pengiran Tajuddin. Zaman kanak2. Di-lapangan seni suara saya mendapat naib johan menyanyi dalam pesta ria kampung saya. Saya ada sijil 'pass' sekolah agama. Chuma yang ta'ada 'O' level tu saja. Sa-bagai tambahan saya bergiat dalam kumpulan zikir dan marhaban. Macham mana, boleh saya memohon?"

Hai, pening berchakap dengan orang macham ini. "Chuba2 saja-lah buat permohonan. Mana tahu bakat saudara boleh mengalahkan chalon2 yang berkelulusan 'O' level itu nanti."

"Eh, tawar sahaja bunyinya pelawaan dari RTB tu. Tak yakin-kah dengan bakat saya ni?" Orang semacham ini tidak dapat di-layan lama2. Rosak otak kita di-buat-nya. Dan talipon sambongan 251 itu pun saya letakkan d-gagangan-nya. Malasku ingau.



TERLAMBAT - tajok

Sandiwara minggu ini

DENGAN mengemukakan pelakon2 utama Rosni, Rosmi dan Deni, Inah Brunei berjaya melahirkan sa-buah kesah untuk keluaran Sandiwara Radio Minggu Ini yang berjodol 'TERLAMBAT'.

Penulis chuba mengetengahkan mengenai pertentangan dua watak, dimana watak Rosmi telah menyalahgunakan kejujuran yang di-berikan oleh Rosni teman sekerja-nya. Rosni dengan hati yang terbuka, seboleh2-nya ingin membantu Rosmi memandangkan sa-orang pekerja baru. Tapi sayang-nya, Rosmi tidak memiliki hati sa-suchi Rosni.

Di-sebalek kemanisan-nya, rupa2-nya Rosmi ada menanam perasaan dengki terhadap kejayaan Rosni. Demi untuk mendapatkan kedudukan yang seimbang dengan Rosni dan untuk dapat memberi jaminan masa depan-nya, Rosmi telah membuat helah yang tidak sehat.

Dengan jalan membuat fitnah, Rosmi berharap ia akan dapat menumpaskan Rosni. Dengan memperalatkan Deni sa-bagai sasaran-nya yang pertama, Rosmi dengan kepintaran-nya telah dengan jaya-nya meyakinkan Rosni yang Deni telah memperkatakan sesuatu yang tidak baik tentang diri-nya.

Berpuncha dari peristiwa itu-lah Rosni dan Deni menjadi seteru. Walau-pun Deni chuba menegakkan kebenaran-nya, tetapi Rosmi maseh dapat mengatasi mereka dengan menggunakan helah-nya yang kotor itu.

Apa-kah kesudahan cerita ini? Mungkin-kah Deni dan Rosni akan dapat menjernihkan semula keadaan yang keroh itu?

Atau mungkin-kah Rosmi akan menerima pembalasan dari perbuatan-nya? Para peminat ranchangan ini akan dapat mengikuti siaran-nya pada hari Ahad, 5hb. Disember, 1982.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Dyg. Helen Thu.

DI-ATAS di-paparkan THE BRADY KIDS khas untuk adek2 yang meminati siri tersebut.

This Is My Song

THIS IS MY SONG this week features a well-known Radio and Television recording artist Tengku Azizah Tengku Abdul Aziz. She will be singing for you seven popular tunes. So join her in our weekly programme 'This is My Song' this Sunday 28th November, 1982 at 11.15 am and the programme will be repeated on Monday at 8.00 pm, on the English Section.

Picture on the right shows Teng-kp Azizah in action during recording session.



RANCHANGAN TVP - Dari 29HB NOB HINGGA 5HB DIS.

ISNIN - 29HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 748.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, SI-AMIN, BERSE-NAM, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cerita Che'gu Rokiah hari ini KANCHIL DENGAN ULAR SAWA.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 748.

SELASA - 30HB NOB.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 749.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSE-NAM, KERJA TANGAN, SI-MANIS, MENGATOR GAMBAR, MAIN BAKUL, dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 749.

RABU - 1HB DISEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 750.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MAIN KIM, BERSE-NAM, HALAMAN BINATANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 750.

KHAMIS - 2HB DISEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 751.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TUN-JOK BENDA, SI-MANIS, PAPAN HIKMAT dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 751.

JUMAAT - 3HB DISEMBER

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan

aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, DI-MANA TEMPAT-NYA, SI-AMINAH, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cerita Che'gu Rokiah ia-lah KANCHIL DENGAN GAJAH.

SABTU - 4HB DISEMBER

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 752.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, GAMBAR DARI RUMAH, SI-AMINAH, BOLA TUMBOK, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 752.

AHAD - 5HB DISEMBER

4.30 KAP KAP UDANG

PETANG

Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, SI-MANIS, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAN dan CHERMIN SAKTI.

RANCHANGAN

TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 24HB NOBEMBER		dari Germany—Polis mengesan dadah. Kemudian Arthur mendapati diri-nya dalam penjara manakala Terry men- chari pemandu kereta Mercedes itu. Berhasil-kah mereka mengesan dadah itu? Boleh-kah Arthur menyelamatkan diri-nya dari kekusutan itu?		8.15 WARTA BERITA	
PETANG		21.05 THAT'S HOLLYWOOD		8.35 LIPUTAN NASIONAL	
4.15	PEMBUKAAN	22.05	SIARAN TAMAT.	9.05 KUIZ KESELAMATAN JALAN- RAYA — Separoh Akhir	
4.16	KORAN & MARI KITA BERDOA	22.35		9.35 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Dimasalang"	
4.28	SUSUNAN RANCHANGAN	HARI JUMAAT 26HB NOBEMBER		11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Gideon's Trumpet" (Drama)	
4.30	KAP KAP UDANG	TENGGAHARI		Sa-orang penjenayah yang tidak mam- pu membayar peguambela memohon kemudahan itu dari pehak yang ber- kuasa. Permohonan-nya di-tolak. Da- lam penjara dia menulis dan merayu pertimbangan kerana tidak ada ke- mampuan-nya itu ka-Supreme Court. Mahkamah bersetuju dengan melantek sa-orang peguam terkenal Abe Fortes untuk mengendalikan kes-nya.	
5.00	UNDER THE MOUNTAIN	22.00 LAGU KEBANGSAAN		Pelakun2: Henry Fonda, Joes Ferrer, John Houseman, Fay Wray, Sam Jaffe, dan lain2.	
5.30	THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN	22.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA		12.35 SIARAN TAMAT.	
6.00	BERITA AWAL	22.13 SUSUNAN RANCHANGAN		HARI AHAD 28HB NOBEMBER	
6.05	DIFFERENT STROKES	22.15 TAKZIR		PETANG	
6.09	AZAN MAGHRIB	22.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT		2.00	PEMBUKAAN
6.19	DIFFERENT STROKES — Sambongan	22.50 KHUTBAH		2.02	KORAN & MARI KITA BERDOA
6.30	WATCH ALL NIGHT	22.50 KHUTBAH		2.13	SUSUNAN RANCHANGAN
MALAM		22.50 KHUTBAH		2.15	KIMBA THE WHITE LION
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS	22.50 KHUTBAH		2.45	THE NEW POPEYE SHOW
7.15	CASSIE AND COMPANY : "Anything For A Friend"	22.50 KHUTBAH		3.10	BIG LEAGUE SOCCER
7.24	AZAN ISHA	22.50 KHUTBAH		3.32	AZAN ASAR
7.29	CASSIE AND COMPANY — Sambongan	22.50 KHUTBAH		3.35	BIG LEAGUE SOCCER — Sambongan
8.15	WARTA BERITA	22.50 KHUTBAH		3.55	MEMOIRS OF A FAIRY GODMOTHER
8.35	LIPUTAN NASIONAL	22.50 KHUTBAH		4.25	KAP KAP UDANG
9.05	ONE OF THE BOYS	22.50 KHUTBAH		4.55	MEDICAL REPORT
9.35	MAGNUM S:2 "Tropical Madness"	22.50 KHUTBAH		5.10	WRECKERS AT DEAD EYE "Boomer's Hole"
10.25	TAYANGAN GAMBAR : "Breaking Up Is Hard To Do" (Drama)	22.50 KHUTBAH		5.40	TARGET : THE IMPOSSIBLE "To Build A Pollution — Free Car"
Kesah enam orang lelaki yang men- cheraikan isteri2 mereka kira2 sama waktu-nya. Mereka pergi berchuti dan tinggal di-sebuah rumah. Di-sana me- rekka membincangkan kekhuatiran, problem dan harapan2 mereka. Pel- akun2: Ted Bassell, Bonnie Franklin, Jeff Conaway, Robert Conrad, Billy Crystal, dan lain2.		22.50 KHUTBAH		6.00	BERITA AWAL
11.55	SIARAN TAMAT.	22.50 KHUTBAH		6.05	THE BRADY KIDS : "Cindy's Super Friend"
HARI KHAMIS 25HB NOBEMBER		22.50 KHUTBAH		6.10	AZAN MAGHRIB
PETANG		22.50 KHUTBAH		6.20	THE BRADY KIDS — sambongan
4.15	PEMBUKAAN	22.50 KHUTBAH		6.35	ANGIE : "The Thief"
4.16	KORAN & MARI KITA BERDOA	22.50 KHUTBAH		MALAM	
4.28	SUSUNAN RANCHANGAN	22.50 KHUTBAH		7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
4.30	KAP KAP UDANG	22.50 KHUTBAH		7.15	LOVE BOAT
5.00	SESAME STREET	22.50 KHUTBAH		7.25	AZAN ISHA
6.00	BERITA AWAL	22.50 KHUTBAH		7.30	LOVE BOAT — sambongan
6.05	FLINTSTONE FROLICS	22.50 KHUTBAH		8.15	WARTA BERITA
6.09	AZAN MAGHRIB	22.50 KHUTBAH		8.35	PERUSAHAAN BUMIPUTERA (ulangan)
6.19	FLINTSTONE FROLICS — sambongan	22.50 KHUTBAH		9.05	THREE'S COMPANY : "Triangle Trouble"
6.30	WILD KINGDOM : "Desert Spring"	22.50 KHUTBAH		9.35	ASIA TODAY
MALAM		22.50 KHUTBAH		10.35	JANE EYRE
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS	22.50 KHUTBAH		11.35	TALES OF THE UNEXPECTED "The Eavesdropper"
7.15	PETROCELLI : "Falling Star"	22.50 KHUTBAH		12.05	SIARAN TAMAT.
Sa-orang bekas pelakun Western yang terkenal, Dusty Rhodes di-tudoh mem- bunoh pengeluar filem yang sedang di-laksanakan di-San Remo. Kes ini menjadi sulit buat Petrocelli apabila dia mendapati pelakun filem itu, Jenny Halliday, ada kaitan sulit dengan ter- tudoh yang boleh memberikan Rhodes motif pembunuhan itu.		22.50 KHUTBAH		HARI ISNIN 29HB NOBEMBER	
7.24	AZAN ISHA	22.50 KHUTBAH		PETANG	
7.29	PETROCELLI — sambongan	22.50 KHUTBAH		4.15	PEMBUKAAN
8.15	WARTA BERITA	22.50 KHUTBAH		4.16	KORAN & MARI KITA BERDOA
8.35	HIDAYAT	22.50 KHUTBAH		4.28	SUSUNAN RANCHANGAN
9.05	DUNIA MINGGU INI	22.50 KHUTBAH		4.30	KAP KAP UDANG
9.35	THE AWAKENING LAND : "The Towns" Pt. 3 (Episod terakhir)	22.50 KHUTBAH		5.00	SESAME STREET
10.35	BOSSOM BUDDIES : "There's No Business"	22.50 KHUTBAH		6.00	BERITA AWAL
Henry di-ajak melabor wang-nya da- lam sharikat perniagaan ayah saudar- nya, dengan tidak di-sedari sharikat- nya hampir2 tumbang.		22.50 KHUTBAH		6.05	THE FANTASTIC FOUR
11.05	MINDER : (Episod terakhir) "In"	22.50 KHUTBAH		6.10	AZAN MAGHRIB
Arthur menerima sa-buah Mercedes		22.50 KHUTBAH		6.20	THE FANTASTIC FOUR
		22.50 KHUTBAH		6.40	WORLD OF BIRDS "World Within Itself"
		22.50 KHUTBAH		MALAM	
		22.50 KHUTBAH		7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
		22.50 KHUTBAH		7.15	TRAPPER JOHN M.D. — "The One And Only"
		22.50 KHUTBAH		7.25	AZAN ISHA
		22.50 KHUTBAH		7.30	TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
		22.50 KHUTBAH		MALAM	
		22.50 KHUTBAH		7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
		22.50 KHUTBAH		HARI SELASA 30HB NOBEMBER	
		22.50 KHUTBAH		PETANG	
		22.50 KHUTBAH		4.15	PEMBUKAAN
		22.50 KHUTBAH		4.16	KORAN & MARI KITA BERDOA
		22.50 KHUTBAH		4.28	SUSUNAN RANCHANGAN
		22.50 KHUTBAH		4.30	KAP KAP UDANG
		22.50 KHUTBAH		5.00	THE PRINCE AND THE PAUPER (Siri baru)
		22.50 KHUTBAH		5.30	HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION : "The Ugly Duck- ling" Bhg. 1
		22.50 KHUTBAH		6.00	BERITA AWAL
		22.50 KHUTBAH		6.05	NATURE OF THINGS (Episod terakhir)
		22.50 KHUTBAH		6.10	AZAN MAGHRIB
		22.50 KHUTBAH		6.20	NATURE OF THINGS — Sambongan
		22.50 KHUTBAH		MALAM	
		22.50 KHUTBAH		7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
		22.50 KHUTBAH		7.15	THE FALL GUY "License To Kill" Bhg. 2
		22.50 KHUTBAH		7.25	AZAN ISHA
		22.50 KHUTBAH		7.30	THE FALL GUY — sambongan
		22.50 KHUTBAH		8.15	WARTA BERITA
		22.50 KHUTBAH		8.35	ARENA SOKAN
		22.50 KHUTBAH		9.20	DYNASTY
		22.50 KHUTBAH		10.20	TAYANGAN GAMBAR : "Charlie Muffin"
		22.50 KHUTBAH		Sa-orang pegawai terkemuka Soviet hendak berpaling tadah ka-Barat ba- nya dialah yang sesuai mengendal- kan-nya. Pelakun2: David Hemmings, Sam Wanamaker, Jennie Linden, Pin- kas Braun, Ian Richardson, Ralph Ri- chardson dan lain2.	
		22.50 KHUTBAH		11.50 SIARAN TAMAT.	



OLIVER Nugent (Mickey Rooney, kiri) dan Bernard Solomon (Scatman Crothers) sa-bagai jiran-nya dalam siri ONE OF THE BOYS dengan episod terakhir-nya jam 9.05 malam ini.

7.15 FREEBIE AND THE BEAN : "A Pair Of Pirates" Freebie dan Bean mengganyang sa- orang kaya perkapalan kerana melum- puhkan kapal-nya untuk menuntut ba- yaran insuran.

7.25 AZAN ISHA

7.30 FREEBIE AND THE BEAN — sambongan

8.15 WARTA BERITA

8.35 LIPUTAN NASIONAL

9.05 SARA DANE

10.05 BODY IN QUESTION : "Blood Relations" Darah sa-bagai salah satu benda hak mutlak bersama.

11.05 HOUSE CALLS : "Muggers And Other Strangers"

11.35 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA
30HB NOBEMBER

PETANG	
4.15	PEMBUKAAN
4.16	KORAN & MARI KITA BERDOA
4.28	SUSUNAN RANCHANGAN
4.30	KAP KAP UDANG
5.00	THE PRINCE AND THE PAUPER (Siri baru)
5.30	HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION : "The Ugly Duck- ling" Bhg. 1
6.00	BERITA AWAL
6.05	NATURE OF THINGS (Episod terakhir)
6.10	AZAN MAGHRIB
6.20	NATURE OF THINGS — Sambongan
MALAM	
7.00	BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15	THE FALL GUY "License To Kill" Bhg. 2
7.25	AZAN ISHA
7.30	THE FALL GUY — sambongan
8.15	WARTA BERITA
8.35	ARENA SOKAN
9.20	DYNASTY
10.20	TAYANGAN GAMBAR : "Charlie Muffin"
Sa-orang pegawai terkemuka Soviet hendak berpaling tadah ka-Barat ba- nya dialah yang sesuai mengendal- kan-nya. Pelakun2: David Hemmings, Sam Wanamaker, Jennie Linden, Pin- kas Braun, Ian Richardson, Ralph Ri- chardson dan lain2.	
11.50	SIARAN TAMAT.

PENTADBIRAN YG RASUAH MEMBAWA KERUNTOHAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pentadbiran yang korup yang bergelimang dengan noda2 rasuah hanya akan membawa sa-suatunya bangsa menyebarkan bumi menuju keruntuhan-nya, pentadbiran yang tidak chekap dalam melaksanakan fungsi2-nya terhadap bangsa dan negara hanya akan menyeret kita dalam dilema kekusutan

dan perchinggahan sa-sama sendiri yang mengakibatkan perpechahan umat.

Yang lebeh kronek lagi dan amat menjolok ia-lah apabila pentadbiran itu tidak jujur dan tidak amanah yang mana akan mengakibatkan pula penyalahgunaan kuasa yang di-amanahkan oleh Allah s.w.t. terutama dalam

perkara yang melibatkan kepentingan bangsa dan negara yang sa-chara terang2 di-champoradokkan dengan muslihat kepentingan diri sendiri.

Perkara ini telah ditegaskan dalam majlis pembukaan rasmi Kursus Intensif Pengurusan Personel Di-Dalam Sektor Awam untuk Pegawai2 Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei oleh Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam ucapan alu2an-nya.

Abad sekarang ada-lah abad pentadbiran, kata Pengiran Badaruddin, kerana semua keputusan dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan malah juga ketenteraan akan hanya bermaana apabila keputusan tersebut terlaksana dengan chekap dan ekonomi. Kata-nya, pelaksanaan sa-suatunya keputusan dengan chekap dan ekonomi itu-lah yang merupakan matalamat yang utama falsafah pentadbiran.

"Tegak roboh-nya suatu bangsa, maju mundur-nya peradaban manusia serta timbul tenggelam-nya bangsa2 di-dunia tidak disebabkan perang, nuklear atau malapetaka alam tetapi bergantung kepada baik burok-nya pentadbiran yang di-mileki".

Kerana Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu beranggapan tidak ada satu hal dalam abad moden sekarang ini yang lebeh penting dari pentadbiran. Pengkalan pemerintahan yang beradab bergantung kuat ka-atas kemampuan kita untuk membena dan mengembangkan suatu falsafah pentadbiran yang mampu memecahkan masalah2 masyarakat moden.

Menurut Pengiran Badaruddin lagi, bersandarkan kepada perkara2 inilah maka-nya jabatan beliau mengambil inisiatif mengunkayahkan kursus tersebut untuk melahirkan pegawai2 yang chekap, jujur dan amanah sa-bagaimana di-chita2kan oleh negara.

Kursus tersebut akan berjalan sa-lama dua minggu, ia-nya akan di-penuhi dengan cheramah2 dari beberapa orang pegawai2 kanan kerajaan termasuk Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sendiri. Disamping itu peserta2 kursus juga akan mengadakan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell, Seria dan ka-Daerah Temburong. — T.B.



Dua buah Trak Peti Sejok yang baru untuk menampung masalah pengangkutan di-Pelabohan Muara.

Pertunjukan feshen pakaian

"Dunia Batek — Koleksi 1983"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah sharikat tempatan, RD Associates (B) Pte Ltd akan menganjorkan pertunjukan feshen pakaian "Dunia Batek — Koleksi 1983" yang bertaraf antarabangsa. Ini-lah julong2 kali-nya pertunjukkan sa-umpama itu akan di-adakan di-negeri ini.

Pertunjukkan feshen tersebut akan di-adakan di-dua buah tempat yang berasingan. Pada 27hb. dan 28hb. Nobember ia-nya akan di-adakan di-Dewan Raya RTB mulai jam 7.30 malam, manakala pada 28hb. dan 29hb. Nobember ia-nya akan di-adakan di-Hotel Sheraton Utama mulai jam 12.30 tengah hari. Pertunjukkan feshen tersebut akan di-jayakan oleh Peragawati2 profeshenal yang bertaraf Antarabangsa. YTM Pengiran Anak Puteri Masnah di-jangka akan merasmikan pertunjukkan feshen tersebut.

Pelbagai jenis dan feshen pakaian yang di-reka khas oleh Kraftangan Malaysia sempena menjelang tahun baru Masehi 1983. Antara feshen pakaian yang akan di-pertunjukkan ada-lah berbentuk pakaian rasmi dan harian dan juga pakaian tradisi orang2 Melayu. Juluan pakaian eksklusif akan di-adakan sa-lepas sa-tiap pertunjukkan tersebut di-adakan.

Tiket2 bagi menyaksikan pertunjukkan feshen di-Dewan Raya RTB berharga \$20.00 manakala harga tiket bagi menyaksikan pertunjukkan feshen di-Hotel Sheraton Utama berharga \$55.00. Orang ramai yang ingin menyaksikan pertunjukkan tersebut boleh-lah menghubungi RD Associates (B) Pte Ltd, No. 70, Tingkat Pertama, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

Antara yang hadir nanti ia-lah isteri Pemangku Setiausaha Kerajaan, Datin Edah bte Haji Mohd. Noor sa-laku penaong pertunjukkan tersebut serta isteri2 pegawai2 Kerajaan. — MHM.

Landasan yang paling baik

Dari muka 2

mengajar hidup bertata susila, bersopan santun serta penoh rasa kejiiran dan persefahaman ada-lah landasan yang paling baik untuk menolak sebarang rupa pengaruh yang bertentangan dengan identiti kita orang2 Brunei, kerana dengan landasan itu, kita akan terus menerus mempunyai semangat hidup yang subur kearah tujuan yang sama ia-itu memelihara maruah kita seperti yang di-ajarkan oleh ugama.

Akhir-nya saya berharap masjid baru di-Kampung Sungai Hanching ini akan sama2 memainkan peranan masjid pada menyedarkan keinginan hidup yang penoh dengan semangat pembangunan, perkembangan dan kemajuan di-berbagai bidang tanpa mengorbankan ketinggian rohani, agar kita dapat hidup berjaya dan mulia untuk menemui Allah sa-bagai insan yang bahagia.

Maka dengan mendahulukan BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM saya rasmikan pembukaan Masjid Kampung Sungai Hanching ini.



Dayang Aisah

Pemberita P.B. berkursus di-K.L

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemberita di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan Dayang Aisah bte Shafiee telah berlepas ka-kuala Lumpur pada hari Sabtu lepas untuk mengikuti kursus latehan sa-chara penempatan di-Bahagian Penyediaan Ruangan Wanita Akhbar Mingguan Malaysia Kumpulan Akhbar Utusan Melayu Malaysia sa-lama lebeh kurang 8 minggu.

Dayang Aisah memulakan kursus tersebut pada 22hb Nobember yang lalu dan di-jangka akan berakhir dalam bulan Januari tahun depan.

Pulang dari berkursus

BERAKAS. — Tiga orang anggota pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah pulang ka-tanah ayer samalam sa-telah menghadiri kursus di-Singapura.

Mereka ia-lah W.O. II Haji Gunong bin Mantok, Cpl. Kinchu bin Gudang dan Sld.

Kemudahan2 pengangkutan di-Pelabohan Muara di-tambah

MUARA. — Jabatan Pelabohan kini mempunyai empat buah Trak Peti Sejok, apabila dua buah dari-nya tiba di-Pelabohan Muara di-sini baru2 ini. Ia-nya di-jangka akan dapat mengatasi masalah pengangkutan barangan sejok yang kian bertambah.

Di-datangkan dari negara Jepun, jentera pengangkutan barangan sejok yang baru itu akan mengendalikan kerja2 pengangkutan dari Pelabohan ka-tempat2 yang memerlukan-nya, dengan kandungan maksima 3½ tan barangan dalam beberapa hari lagi. Trak baru itu berharga \$85,800.00, di-mana bahagian belakang-nya di-perbuat dari aluminium.

Jurutera Pelabohan, Pengiran Hallid bin Pengiran Mohammad ketika di-temui baru2 ini berkata, bahawa trak baru itu ada-lah merupakan tambahan kepada dua buah trak yang serupa bagi barangan sejok yang sedia ada sejak tahun 1980.

Dalam tahun tersebut, Jabatan Pelabohan telah mula di-bekalkan dengan dua buah Trak Peti Sejok buatan British dengan harga lebeh dari 110,000.00 sa-buah. Bahagian belakang trak



Pg. Halid bin Pg. Mohammad

tersebut di-buat di-Singapura dari Fibre Glass, dan ia-nya berupaya menjalankan pengangkutan hingga kamaksima lima tan barangan.

Trak2 tersebut, sa-lain dari membuat pengangkutan ka-Pekan Muara dan Bandar Seri Begawan, juga akan menghantar barangan sejok ka-Daerah Tutong, Seria dan Kuala Belait,

mengikut destinasi yang di-kehendaki oleh pengusaha2 atau pemborong2 yang menghendaki barangan tersebut.

Kadar sewaan dari pelabohan ka-Pekan Muara ia-lah \$14.70 sa-tan, Bandar Seri Begawan bernilai \$21.00 sa-tan, sewaan pengangkutan ka-Daerah Tutong pula ia-lah \$30.35 sa-tiap sa-tan, ka-Seria sa-banyak \$43.20 sa-tan dan ka-Kuala Belait berharga \$46.70 sa-tan.

Jabatan Pelabohan juga kini mempunyai 16 buah jentera Angkat Susun, dengan tambahan dua buah lagi jentera tersebut bulan Nobember ini. Jentera tersebut berharga lebeh dari \$19 ribu dan mengerjakan kerja2 angkat-susun kamaksima tiga tan barangan. Ia-nya ada-lah di-gunakan bagi mengeluarkan barang2 dalam container.



Salah sa-buah dari 16 buah jentera angkat susun yang di-gunakan di-Pelabohan Muara.

SEKITAR KURSUS SIVIK BAGI KAKITA

716 ORANG HADHIRI KURSUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 716 orang kaki-tangan kerajaan dalam bahagian V dan bergaji hari telah menamatkan kursus sivik anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Perjawatan.

Kursus tersebut yang bertujuan untuk mengujjudkan pentadbiran yang efisien lagi cergas dan pegawai2 yang jujur lagi amanah akan terus dikembangkan dari segi amalan dan fahaman-nya.

Dalam ucapan alu-aluan-nya, Pengarah Penerangan, Awg. Hj. Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, sa-laku pengerusi bersama jawatankuasa tertinggi kursus tersebut, berkata

antara langkah untuk mengesankan hasrat itu ia-lah menguat-kuasakan disiplin, menyusun dan mengemas jentera pentadbiran dan menguat-kuasakan Undang2 Menchehag Rasuah.

Kata-nya, untuk mengadakan sa-barang perubahan, tidak samudah kita menukar pakaian, tetapi tidak ada sebab untuk kita berlengah daripada mengambil langkah dan ikhtiar membaiki dan meningkatkan mutu perkhidmatan masing2.

"Kerana itu-lah kerajaan berazam untuk terus memerhati kesan2 dari semua langkah yang sudah di-ambil dan sedang berjalan pada masa ini", ujar-nya.

Pengarah kemudian-nya menyentoh ucapan

YAB Pemangku Menteri Besar ketika merasmikan kursus yang sama bulan Mach lalu yang berharap supaya usaha fahaman demikian dapat memberi faedah yang sama kepada diri kita sa-bagai hamba Allah di-samping sa-bagai orang yang berjawatan dalam kerajaan.

Harapan Pemangku Menteri Besar itu, kata-nya, memerlukan kita memberi perhatian yang lebih ka-atas nilai2 yang bersumber ajaran agama dengan di-niatkan sa-bagai amal untuk memperolehi sa-banyak mungkin pahala di-samping mendukung objektif kerajaan.

Kata YAB Pemangku Menteri Besar, jelas Pengarah Penerangan itu lagi, dari segi kedudukan dan gaji kita mungkin telah menchapai-nya,

tetapi ada-lah rugi jika penchapaian sa-demikian tidak di-sertai dengan niat untuk beroleh pahala dan keredhaan Allah s.w.t.

Kursus sivik tersebut telah di-rasmikan oleh Pemangku Pengarah Perjawatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat pada petang Khamis, 11hb. Nobember lalu bertempat di-dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong.

Kursus yang di-adakan di-semua daerah negeri ini pada tarikh2 yang berasingan itu akan ditutup rasmi oleh Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Datin Hajjah Jusnani binte Haji Lawie di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan esok jam 2.00 petang.



GAMBAR atas menunjukkan sa-bahagian dari kakitangan dalam Bahagian V dan Daerah Tutong yang menghadiri Kursus Sivik sa-lama sa-hari pada hari Khamis lepas.

Gambar atas kanan pula ia-lah Timbalan Pengarah Perjawatan Awang Ahmad bin Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof ketika menjawab masalah yang di-kemukakan oleh peserta kursus di-Daerah Tutong, sementara di-kiri Pemangku Ketua Yunit Latchan Jabatan Perjawatan Awang Adnan bin Buntar.

Gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari peserta kursus di-Daerah Brunei-Mendengar salah satu cheramah yang di-sampaikan oleh pegawai kanan kerajaan. Kursus di-daerah itu di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, 11hb. Nobember, 1982.

Sementara gambar paling bawah menunjukkan Pengarah Penerangan, Awang Haji bin Pengarah Haji Othman ketika memberikan penerangan dalam salah satu bengkel sivik di-Daerah Brunei-Muara. Di-kiri beliau ia-lah Pg. Hj. Mohammad bin Pg. Hj. Abd. Awang Hj. Abd. Rajid bin Hj. Abd. Kadir, yang menyampaikan cheramah mengenai

Meninggalkan sembahyang — kita tidak ada alasan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kewajipan bersembahyang Jumaat perlu-lah di-tunaikan dan kita tidak ada alasan untuk meninggalkannya sekali pun di-dalam pekerjaan. Awang Haji Zaini bin Talip, Kadhi Daerah Brunei-Muara menegaskan demikian apabila sa-orang peserta kursus sivik menimbulkan pertanyaan bahawa kadang2 ia tertinggal sembahyang jumaat kerana menurut-nya ia mesti berada di-tempat kerja-nya itu ketika tiba masa untuk sembahyang Jumaat.

Awang Haji Zaini menyatakan peserta itu tidak ada alasan untuk tidak bersembahyang Jumaat lagi pun menurut peserta tersebut pekerjaan yang di-buat-nya itu boleh di-tanggohkan-nya dan di-buat sa-mula sa-lepas sembahyang Jumaat.

Beliau mengshorkan kepada jabatan2 yang berkenaan yang menghadapi masalah sa-demikian supaya dapat mengadakan satu majlis dailog atau cheramah dengan meminta pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama memberikan penerangan yang jelas mengenai perkara tersebut. Supaya peker-

jaan yang kita kerjakan jangan sampai melalaikan kita dari mengerjakan ibadat terutama sembahyang Jumaat dan sembahyang2 fardhu yang lain.

Beliau berkata demikian kepada peserta2 kursus sivik Pegawai2 Kerajaan divishen V dan bergaji hari anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Perjawatan bertempat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Sabtu lepas.

Sa-orang peserta kursus sivik juga menyatakan bahawa kadang2 tidak ada kesempatan untuk-nya mengerjakan sembahyang Zohor di-rumah ketika balek tengahari sa-telah mengambil anak2 sekolah.

Awang Haji Zaini menjelaskan pada masa ini telah banyak pejabat2 kerajaan ada mengadakan bilek2 untuk beribadat bagi kakitangan-nya. Jika sa-kiranya perkara tersebut belum lagi di-adakan ia-nya harus-lah di-rundingkan dengan ketua2 Jabatan atau ketua2 bahagian bagi mengadakan-nya, kalau

pun tidak ada ruang maka adakan-lah bilek tambahan.

Kerana dalam perkara ini kata beliau, Kerajaan Kebawah DYMM tidak akan keberatan untuk mengadakan-nya kerana jika di-lambat2kan kita nanti akan menanggung dosa-nya. Kerana meninggalkan sembahyang dengan senghaja tanpa sa-suatu sebab tidak-lah patut di-jadikan alasan-nya.

"Bekerja sa-bagai satu ibadat" yang penting niat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam Majlis Bengkel Ugama mengenai "Bekerja sa-bagai satu ibadat" yang telah di-adakan bagi Peserta2 Kursus Sivik Pegawai Kerajaan divishen V dan bergaji hari bagi Daerah Brunei-Muara anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Perjawatan bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Sabtu lepas, turut menyampaikan cheramah di-salah satu kumpolan bengkel peserta2 pada hari itu ia-lah Ustaz Haji Rajid bin Haji Abd. Kadir yang mana beliau telah

menekankan betapa perlu-nya kita berniat kerana Allah.

Kerana kata-nya, sa-tiap perbuatan kita akan mendapat pahala jika ia-nya ada hubungan dengan Tuhan maana-nya niat-nya, perbuatan-nya tentang apa yang di-kerjakan itu ada-lah sa-mata2 kerana Allah s.w.t. Hasil perbuatan-nya kerana Allah itu, tambah-nya sa-orang Muslim yang sejati akan bershukor, shukor kerana tugas-nya sa-bagai sa-orang manusia yang di-jadikan oleh Allah di-bumi inikerana ia tahu bahawa beban-nya yang di-berikan oleh Allah Ta'ala itu untuk memakmorkan dunia ini

dan seterusnya ia juga bershukor ka-atas nikmat2 yang telah di-berikan oleh Allah s.w.t. kepada-nya.

Ustaz Haji Rajid menyatakan chontoh yang terdekat ia-lah Kerajaan kita ketika ini meminta sa-suatu tanpa membebaskan diri kita semua ia-itu jujur, amanah dan efisien. Pada lahir-nya nikmat Tuhan yang di-berikan kepada kita ada-lah dari Kerajaan tetapi sa-benar-nya ia ada-lah nikmat dari Tuhan Azzawajalla.

Beliau juga menyentoh mengenai masalah sa-benar-nya mengenai konsep kerana Allah ini ia-lah "penyakit bathin" yang banyak

menyebabkan perjalanan pejabat tidak lincis, pekerjaan terlambat dan lain2-nya, ia-nya bukanlah penyakit lahir tetapi ada-lah penyakit bathin yang terbit daripada "hati". Soal-nya sekarang kita sangat sebak membaiki penyakit lahir daripada mengubati penyakit bathin, umpama-nya masyarakat jadi kuchar-kachir, kampong2 berantakan, tindeh-menindeh, hasad-dengki, beringgi2an dan sa-bagai-nya.

Bagi mengubat penyakit bathin tersebut Ustaz Haji Rajid menekankan supaya ber-balek mengerjakan amal ibadat untuk men-



MANUSIA BAHAGIAN V DAN BERGAJI HARI

PENGERTIAN JUJUR DAN AMANAH



TUTONG. — Dalam kursus sivik bagi Kakitangan Kerajaan dalam Bahagian V dan Bergaji Hari, anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia-usaha Kerajaan Brunei dengan kerjasama Pejabat Perjawatan, yang diadakan di-Dewan Kemasyarakatan di-Daerah Tutong pada hari Khamis lepas, pengertian berkenaan

'Bekerja dengan jujur dan amanah dan mengenai dengan kedudukan open telah banyak di-persoalkan.

Dari sini dapat kita ketahui bahawa maseh terdapat ramai di-kalangan Kakitangan Kerajaan yang tidak tahu apa erti 'Bekerja dengan jujur dan amanah' seperti yang sering di-ucapkan dan di-laung2kan oleh pegawai kanan kerajaan.

Dalam perkara ini, Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Ahmad bin POK Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof menerangkan bahawa erti jujur dan amanah itu sa-chara rengkas ia-lah di-terima dengan ikhlas dan melaksanakan kerja2 mengikut saluran2 yang tertentu atau mengikut syarat bagi suatu yang harus di-kerjakan.

Ketika menjawab keraguan salah sa-orang peserta kursus yang merasa kesal dengan sikap pehak yang berkenaan di-atas kelambatan jawapan permohonan-nya untuk bergaji bulan sa-chara open vote, sa-hingga beliau membuat permohonan berkali2, sedangkan ia bekerja sa-bagai pekerja bergaji hari lebih dari 10 tahun, Awang Ahmad menerangkan bahawa ada-lah tanggungjawab Ketua Pejabat masing2 untuk mendapatkan perkara tersebut kepada Pejabat Perjawatan, dan Pejabat Perjawatan akan mengendalikan sa-tiap permohonan sa-chara bergilir2, tetapi sa-kira-nya segala permohonan itu tidak mencukupi atau mengikut syarat-nya maka terpaksa-lah di-hadapkan ka-Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

"Kerana seperti yang sama2 di-ketahui, mulai pertengahan bulan Nobember 1981 bahawa siapa yang sudah berkhidmat lima tahun bergaji hari boleh di-sokong oleh Ketua2 Pejabat untuk masuk ka-open vote," jelas-nya lagi.

Berkenaan dengan sampai manakah bergaji bulan sa-chara open vote ini untuk di-lantek memegang jawatan berpenchen. Awang Ahmad menyarankan agar kakitangan di-jabatan2 Kerajaan itu membuat permohonan sa-kira-nya ada Ketua2 Jabatan yang mengiklankan jawatan2 kosong di-pejabat masing2.

"Peluang untuk masuk jawatan berpenchen dari open vote ini, jelas-nya, Ketua Pejabat ada mengiklankan jawatan2

kosong dengan tiga chara pengiklanan:—

- + Iklan terbuka dalam semua surat khabar.
- + Iklan di-antara pejabat ka-pejabat melalui Surat keliling Pejabat Perjawatan,
- + dan yang ketiga iklan dalam pejabat, ia-itu kakitangan yang ada di-satu2 pejabat itu sahaja yang di-benarkan memohon.

Ini bererti kakitangan yang bergaji bulan sa-chara open vote tidak di-tegah untuk memohon sa-kira-nya ada kekosongan dalam satu2 jawatan.

Menyentuh mengenai dengan perbezaan gaji dari segi kelulusan bagi orang yang di-lantek ka-open vote, sedangkan dalam Surat Keliling Pejabat Perjawatan Bil: 3/1982 mengatakan bahawa pegawai atau kakitangan yang mempunyai kelulusan clerical dan L.C.E. berhak menerima gaji \$485 sabulan, tapi apa yang di-terima, kata sa-orang peserta ada-lah tidak sa-demikian.

Dalam hal ini Awang Ahmad menasehatkan kepada kakitangan2 kerajaan yang terlibat dengan perbezaan tersebut supaya merayu atau menulis, kerana hal yang sa-demikian itu ada-lah atas kuasa dan tanggungjawab Pejabat Surohanjaya Perkhidmatan Awam untuk mengubah kadar atau sukatan gaji, sedangkan Pejabat Perjawatan hanya dapat memanjangkan segala maklumat tersebut jika di-fikirkan perlu.

Ketika menjawab tentang kemushkilan sa-orang peserta yang berjawatan sa-bagai mandor, berkenaan dengan kekusutan buro2 yang menerima kenaikan gaji hari yang tidak sama rata, Awang Ahmad menerangkan, bahawa masalah kenaikan gaji sa-umpama ini ada-lah tanggungjawab Ketua Pejabat masing2 sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam tahun 1980 ia-itu kadar gaji hari bagi tiap2 bahagian ia-itu kadar A hingga G, dan sa-kira-nya Ketua Pejabat hendak mengubah dari A ke-B, ketua2 pejabat tersebut hendak-lah membuat perundingan terlebih dahulu dengan Pejabat Kewangan sementara Pejabat Perjawatan hanya menegor sa-kira-nya kenaikan itu tidak berpatutan.

Erti ibadat meliputi semua kegiatan yg di-sukai Allah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pg. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman, Penguasa Daawah dan Tabligh menyatakan bahawa definisi ibadat itu jika menurut Imam Ibnu Thainiah dalam kitab-nya yang berjudul Al-Ubudiah ia-lah suatu perkataan yang maana-nya meliputi semua kegiatan yang di-sukai oleh Allah s.w.t., samada ia-nya dari segi perubahan atau pergerakan tubuh badan, per-chakapan mahupun gerak hati.

Beliau menyatakan demikian ketika menyampaikan cheramah-nya di-Majlis Bengkel Ugama kepada peserta2 kursus sivik Pegawai2 Kerajaan divishen V dan bergaji hari bagi Daerah Brunei-Muara anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat

Setiausaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Perjawatan bertempat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Sabtu lepas.

Kata-nya, perkataan ibadat ada-lah luas maana-nya dan maksud-nya bukan hanya mengandungi perbuatan2 yang berhubung sa-chara langsung dengan penyembahan sa-orang hamba kepada Tuhan-nya sa-bagai mana yang banyak di-fahami oleh orang2 Islam seperti menurut dan mengerjakan perintah2 Allah s.w.t. tetapi ibadat juga merangkumi lain2 perbuatan umpama-nya menyeru kepada kebaikan dan menjauhi daripada kemungkaran, berbuat baik kepada binatang2 juga merupakan suatu ibadat sa-bagaimana di-sebutkan

di-dalam sa-buah hadith sa-orang hamba Allah telah menolong sa-ekor anjing yang hampir2 mati kehausan, lalu orang itu mengambilkan ayer dengan sepatunya lalu memberi anjing itu minum maka orang itu mendapat balasan shorga.

Pg. Haji Mohammad menerangkan ada lima syarat bagi mendapatkan keredhaan Allah dalam menjalankan pekerjaan kita ia-itu di-kira sa-bagai suatu ibadat.

Pertama, sa-tiap pekerjaan yang kita lakukan hendak-lah di-niatkan semata2 kerana Allah s.w.t. ia-itu pekerjaan yang mendatangkan munafaat dan berkebaikan serta di-redhai oleh Allah dan jika sa-kira-nya sa-suatu pekerjaan yang kita buat itu tidak di-niatkan kerana Allah

maka ia-nya bukan-lah di-kira merupakan sa-bagai ibadat. Niat itu sebenar-nya banyak membantu sa-seorang Islam untuk ia berjaya di-dalam pekerjaan-nya atau ia gagal di-dalam pekerjaan itu. Bagi kakitangan Kerajaan tenaga yang mereka gunakan bagi menegakan ugama Islam akan di-kira sa-bagai suatu ibadat dan akan mendapat ganjaran pahala.

Kedua, pekerjaan yang kita lakukan itu ada-lah halal menurut hukum shara'. Kata-nya, jikalau kita bekerja di-tempat2 yang boleh mendatangkan maksiat seperti di-kelab2 malam, tempat2 perjudian dan sa-bagai-nya bukan-lah di-kira sa-bagai ibadat kerana perkerjaan itu bukan-lah halal di-sisi Allah s.w.t. sebalik-nya ia-nya ada-lah bertentangan dengan hukum2 shara'.

Ketiga, kita hendak-lah menumpukan kepada kerja yang di-lakukan itu bersungguh2 dengan penoh dedikasi dan ikhlas dan yang ke-empat bekerja dengan penoh amanah dan sa-tiap pekerjaan yang kita lakukan tidak bertentangan dengan hukum2 ugama Islam umpama-nya rasuah, mengampu dan lain2 lagi.

Sementara syarat yang kelima tambah beliau, pekerjaan yang kita lakukan itu tidak melalaikan terhadap menunaikan kewajipan kita kepada Allah s.w.t. seperti menunaikan sembahyang jika telah masuk waktu-nya.



ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP2 HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
1.00 Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardhu
Maghrib.

MALAM

10.15 Bachaan Al-Kor'an
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU

24HB NOBEMBER

PAGI: 7.10—Panduan Sokan, 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Permintaan Pagi Rabu, 10.15 — Rampaian Joget, 10.30 — Rimba Raya, 10.45 — Riang Ria, 11.00 — Dendang Wiwiek Abidin, 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI: 1.30 — Hiboran Paduan Suara. PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Chitra Irama, 3.15 — Hiboran Petang, 3.30 — Gazal (SU), 4.00 — Tinjauan, 4.15 — Senandung Budaya, 4.30 — Bangsawan Di-udara (Indera Bangsawan—siri 8), 5.00 — Serbanika Hiboran (Siaran Ulangan), 5.45 — Senandung Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini, 7.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45 — Kenangan Mengusik Jiwa.

HARI KHAMIS

25HB NOBEMBER

PAGI: 8.30 — Hiboran Untok Adek-Adek (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Penglipor Lara, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Aneka Lagu, 11.00 — Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30 — Chitra Wara (SU). PETANG: 2.00 — Puspasari/Keronchong, 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiboran Petang, 3.35 — Rimba Raya (SU), 3.50 — Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00 — Sandiwar Radio (SU), 4.30 — Majallah Ugama, 5.00 — Lagu Berirama Gambus, 5.45 — Lagu2 Nasehat, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Bachaan Surah Yassin, 7.15 — Lagu2 Asli, 8.30 — Bimbingan Al-Kor'an 9.00 — Tafsir 9.45 — Hidayat.

HARI JUMAAT

26HB NOBEMBER

PAGI: 8.30 — Majallah Radio (SU), 9.00 — Suara Gambus, 9.30 — Tafsir Al-Koran, 10.15 — Soalan Di-Udara, 10.30 — Bichara Rasa, 11.00 — Lagu2 Asli, Zapi dan Gazal, 11.30 — Bimbingan Al-Koran (SU). T/HARI: 12.00 — Lagu2 Dakwah, 12.15 — Bachaan Al-Koran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat, 1.15 — Lagu2 Nashid, 1.45 — Lagu2 Padang Pasir. PETANG: 2.00 — Lukisan Masharakat, 2.30 — Puspasari/Gema Keronchong/Bintang2 Awda, 3.15 — Apa Pendapat Awda/Hiboran, 3.34 — Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00 — Surat dari London, 4.15 — Hiboran, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15 — Tinjauan (SU), 5.45 — Sayu dan Merdu, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Cerpen dan Salokan, 8.30 — Lagu2 Hiboran, 9.00 — Majallah Ugama (SU), 9.45 — Mari Berpantun.

HARI SABTU

27HB NOBEMBER

PAGI: 7.10 — Panduan Sokan, 8.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di-Udara (SU), 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaian, 11.30 — Hiboran Untok Adek2, 1.30 — Lagu2 Dari Filem, 1.45 — Selingkar Madah. PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Apa Pendapat Awda (SU)/Hiboran, 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Fukas Radio, 5.00 — Rangkaian Lama dan Baru, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Titi Budaya (SU), 7.15 — Majallah Radio, 8.30 — Chitra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di-udara (SU), 9.45 — Bichara Rasa (SU).

HARI AHAD

28HB NOBEMBER

PAGI: 8.30 — Majallah Radio, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Suara Kugiran, 10.15 — Titi

Budaya, 10.30 — Sandiwar Radio, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Dunia Wanita. T/HARI: 12.00 — Tabniah dan Uchap Selamat, 12.32 — Hiboran Untok Awda, 1.00 — Permintaan Hari Minggu. PETANG: 2.00 — Lagu2 Rampaian, 2.30 — Seni dan Sastera, 2.45 — Hiboran Petang Minggu, 3.15 — Panduan Sokan, 3.20 — Irama Gembira, 3.34 — Majallah Sokan, 4.00 — Chitra Wara, 4.30 — Tetamu Radio, 5.00 — Hiboran, 5.45 — Hiboran Senja, 6.15 — Irama Dakwah, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Hiboran, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00 — Keronchong/Puspasari, 9.45 — Di-buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama).

HARI ISNIN

29HB NOBEMBER

PAGI: 8.30 — Serbanika Hiboran, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilehan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Sains dan Perusahaan, 11.00 — Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30 — Hiboran Periang Hati, PETANG: 2.00 — Kenangan Mengusik Jiwa (Siaran Ulangan), 2.30 — Seni dan Sastera, 2.45 — Selingan Irama, 3.15 — Ram-

paian Joget, 3.35 — Mari Berpantun (SU), 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 5.00 — Pilehan Juruhebah, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Senandung Ria, 8.30 — Ku Tujukan Lagu, 9.45 — Senandung Malam.

HARI SELASA

30HB NOBEMBER

PAGI: 8.30 — Suara Parajurit (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Permintaan Kaum Wanita, 10.15 — Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30 — Rampaian London, 10.45 — Lagu-lagu Hiboran, 11.00 — Autograph Pendengar (SU), 11.30 — Gazal. T/HARI: 1.30 — Lukisan Masharakat (SU), PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam, 3.15 — Gema Silam, 3.35 — Suara Kugiran (SU), 4.00 — Gema Keronchong/Puspasari/Bintang2 Awda (SU), 4.30 — Belia Mewakili Zaman-nya, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15 — Sayu dan Merdu, 5.45 — Senandung Senja, 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani (SU), 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Fukas Radio (SU), 9.45 — Selingkar Madah (SU), 10.00 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Classical music with Rory Higgins
8.45 Classical music with Rory Higgins
9.30 Classical music with Rory Higgins

Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow

Daily

A.M.

7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays.
12.00 Lunch Break
12.30 News followed by weather report

P.M.

8.30 Radio Newsreel
9.15 News

HOLIDAYS — Friday

A.M.

11.00 34th Edinburgh International Festival Literary Event — Edition Genius (2nd half).

8.45 Stereo Pop Special "Nine Below Zero"
9.30 Country Club

Saturday

P.M.

8.30 Hits In Germany
8.45 Animal, Vegetable or Mineral — 14
9.30 Top Of The Pops.

Monday

8.00 This Is My Song — (repeat)

Daily

11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of The Sixties
12.45 1980 — Cambridge Folk Festival: "Vin Garbutt"
1.15 15-Minute Theatre: "Always In The Love with Amy" by Ken Whitmore.
8.00 The World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Perspective
9.30 An Evening with Chic — 22

Sunday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 This Is My Song

8.45 Up The Belait Without A Paddle — 73 with guest this Coln Lees.
9.30 All That Jazz — 22.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 17.

Daily

11.45 London This Week
12.00 Animal, Vegetable or Mineral
12.45 Review of the week by Ideris Ali.
1.00 Top of The Pops.
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 A feature: Samuel Butler in New Zealand.
8.30 English Examined
8.45 Science Pop
9.30 Drama: 'The Splendours and Miseries of An Old Bailey Hack' by John Mortimer



PPNB KELOLAKAN WOOD BADGE KE-6

GADONG — Persekutuan Pengakap Negeri Brunei bahagian Pasokan Latehan Kebangsaan akan megelolakan satu kursus Lanjutan ka-Wood Badge bagi pemimpin2 Pengakap.

Kursus yang ke-enam kali pernah di-anjarkan itu akan di-adakan di-Perkemahan Pengakap di-sini dan di-jadualkan berjalan sa-lama 9 hari mulai 24hb. Disember, 1982 hingga 1hb. Januari 1983.

Setiausaha Latehan Persekutuan Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Mohd. Hassan bin Haji Timbang menyatakan, kursus yang akan di-jalankan adalah merupakan satu perhubungan sejak PPNB menjadi ahli penoh Persekutuan Pengakap Sa-dunia pada bulan Julai 1981 dan kata-nya lagi semua bentuk kursus yang akan

di-jalankan sa-chepat mungkin akan di-se-laraskan dengan suasana keliling negeri ini.

Terdapat 38 sesi (pelajaran) dalam kursus itu nanti dan di-antara-nya ialah sharahan2 khas daripada wakil2 jabatan seperti Jabatan Pulis Diraja mengenai Penagih Dadah, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan mengenai Aspek Pembangunan Masyarakat dan Sumbangan Pengakap terhadap-nya, Jabatan Adat Istiadat Negara mengenai Adat Istiadat Brunei dan Pertuturan dan juga lawatan ka-Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk mendapatkan taklimat serta demonstrasi penchegegahan kebakaran.

Lain2 sesi dalam kursus tersebut ada-lah berhubung dengan ke-dah-nya lagi semua bentuk kursus yang akan

yang melayakkan Pemimpin2 Pengakap untuk di-tauliahkan Lenchana Wood Badge.

Menurut Awang Haji Hassan, sa-jauh ini saramai 69 orang pemimpin2 pengakap telah berjaya memperolehi lenchana tersebut.

Pembukaan rasmi kursus itu nanti di-jangka dilakukan oleh Yang Berbahagia Pemangku Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Selamat bin Munap.

Pemimpin2 Pengakap yang berhajat untuk mengikuti kursus tersebut ada-lah di-pelawa untuk menghantar borang permohonan kursus yang sekarang boleh di-perolehi daripada Setiausaha Latehan, P.O.Box 2227, BSB dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat daripada 30hb. Nobember, 1982.

Sabah juara Piala Borneo

Perlawanan Bolasepak Piala Borneo bagi tahun ini telah berlangsung di-Komplek Stadium Likas Kota Kinabalu pada 12hb. Nobember yang baru lalu.

Pasokan Bolasepak Brunei telah gagal untuk mempertahankan kejuaraan yang telah di-menangi-nya tahun lalu apabila tewas di-tangan Pasokan Sabah dengan jaringan 2 gol tidak berbalas di-hari ketiga perlawanan tersebut.

Di-hari pertama Brunei telah berjaya mengalahkan Pasokan Sarawak melalui satu jaringan yang di-lakukan oleh Majidi Ghani dalam sa-paroh masa kedua. Sarawak berjaya mengalahkan Pasokan Sabah dengan jaringan 2 — 1 di-hari kedua.

Kemenangan Sabah ada-lah berdasarkan banyak jaringan yang di-perolehi.

Pasokan Kebangsaan Brunei kelihatan keluar ka-Padang di-hari pembukaan perlawanan tersebut (kiri) manakala gambar kanan menunjukkan salah satu perlawanan antara Brunei dengan Sarawak.

Gambar2 oleh Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Abd. Rahman, Radio Talivishen Brunei.



Perlawanan Ping Pong terbuka anjoran BATTA

